

PERANAN DAN SIKAP WANITA
DALAM PEKERJAAN DI SEKTOR AWAM
(SATU KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA
WANITA BERKAHWIN DAN BUJANG)

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA GASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

OLEH
NO. MATRIK 36947

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
1982/83

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Melalui ruangan ini, saya ingin merakamkan berbanyak-banyak ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah terlibat di dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Pertamanya saya ingin menyampaikan penghargaan yang tidak terhingga kepada Puan Hajah Fatimah Daud, selaku penyelia saya di dalam latihan ilmiah ini. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat-nasihat yang membina serta teguran-teguran di sepanjang menyiapkan latihan ilmiah ini. Semoga Allah memberikan segala kebaikan di atas jasa bakti yang beliau berikan. Insya Allah.....

Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Encik Razali Agus yang telah sudi menjadi pengawas ketika pengkaji menjalankan kajian luar.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada kakitangan-kakitangan di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia, Jalan Cenderawasih, yang sudi menjadi responden saya ketika kajian dijalankan.

(ii)

Dengan kerjasama yang baik semasa kajian dijalankan itulah telah menyiapkan suatu bentuk latihan ilmiah yang ada sekarang.

Wabillahi taufik wal-hidayah

36947

Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

24 November 1982

SIMOPSIS

Dalam usaha untuk membuat latihan ilmiah ini, pengkaji telah menjalankan kajian luarnya di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia, Jalan Cenderawasih, Kuala Lumpur. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauhmana peranan dan sikap wanita dalam pekerjaan khususnya kaum wanita di sektor awam. Berhubung dengan itu, pengkaji telah membahagikan latihan ilmiah ini kepada enam bab.

Bab I, pengkaji telah menghuraikan bidang serta tujuan kajian. Di samping itu pengkaji juga menerangkan metode kajian yang digunakan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian luar.

Bab II, pengkaji telah membuat kuraian mengenai teori dan konsep-konsep yang digunakan di dalam latihan ilmiah ini khususnya konsep peranan dan sikap.

Bab III adalah bab di mana pengkaji menghuraikan latar belakang responden serta faktor-faktor yang mendorong penglibatan wanita dalam pekerjaan.

Bab IV pula pengkaji telah membincangkan sejauhmana penglibatan wanita memberi kesan ke atas hubungan dengan suami, anak-anak dan juga keluarga di kampung. Di samping itu, dalam bab yang sama pengkaji juga menghuraikan pola perbelanjaan oleh wanita-wanita ini.

Bab V pengkaji telah meninjau penglibatan wanita dalam kegiatan-kegiatan sosial yang terdapat di tempat kerja sama ada yang bercorak formal ataupun informal. Dalam bab ini juga pengkaji menghuraikan implikasi penglibatan wanita dalam pekerjaan ke atas saiz famili.

Bab VI merupakan ringutan keseluruhan kajian di mana dikaitkan antara teori dan konsep dengan "findings" yang didapati.

DAFTAR KANDUNGAN

	<u>MUKA SURAT</u>
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	iii
DAFTAR KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
BAB I: PENDAHULUAN	
1.1 Bidang Kajian	1
1.2 Tujuan Kajian	2
1.3 Metode Kajian	4
1.4 Masalah Kajian	8
BAB II: HURAIAN MENGENAI KONSEP-KONSEP	
2.1 Definasi Peranan	10
2.2 Peranan Wanita Dalam Pekerjaan	15
2.3 Definasi Sikap	28
BAB III: LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI	
3.1 Latar Belakang Responden	33
3.2 Faktor Yang Mendorong Penglibatan Wanita Dalam Pekerjaan	44
BAB IV: WANITA DALAM PEKERJAAN	
4.1 Sikap Wanita Terhadap Pekerjaan	56
4.2 Hubungan Dan Pergaulan Responden Di Tempat Kerja	58
4.3 Hubungan Pegawai Dengan Kakitangannya	61
4.4 Hubungan Wanita Yang Sudah Berumahtangga Terhadap Keluarga	
i) Hubungan Responden Dengan Suami	63

ii) Hubungan Responden Dengan Anak-anak	69
iii) Pergaulan Dan Perhubungan Dengan Keluarga Di Kampung	71
4.5 Pola Perbelanjaan	75
BAB V: PERANAN WANITA DALAM PERTUBUHAN BERCORAK SOSIAL	
5.1 Kegiatan Secara Formal	81
5.2 Kegiatan Secara Informal	86
5.3 Implikasi Penglibatan Wanita Dalam Pekerjaan	
i) Implikasi Ke Atas Saiz Keluarga	90
ii) Implikasi Ke Atas Ekonomi	94
iii) Implikasi Ke Atas Masa Responden	96
BAB VI: KESIMPULAN	98
BIBLIOGRAFI	104
LAMPIRAN SOAL SELIDIK	106

SENARAI JADUAL

	MUKA SURAT
JADUAL 1: TEMPAT ASAL RESPONDEN	34
2: UMUR RESPONDEN	35
3: TARAF PENDIDIKAN	38
4: SEBAB-SEBAB RESPONDEN BERMENTI SEKOLAH	41
5: SAIZ KELUARGA RESPONDEN	42
6: KEKERAPAN RESPONDEN MENGHANTAR WANG KE KAMPUNG	44
7: TEMPOR NASA UNTUK BEKERJA	51
8: FAKTOR YANG MENDORONG RESPONDEN BEKERJA	52
9: SIKAP RESPONDEN TERHADAP PEKERJAAN SEKARANG	58
10: GORAK PERGAULAN RESPONDEN DI TEMPAT KERJA	60
11: KEPUTUSAN DALAM URUSAN RUMAHTANGGA	67
12: PERHUBUNGAN RESPONDEN MELALUI ZIARAH-MENZIARAH	73
13: KEKERAPAN RESPONDEN MENULIS SURAT KE KAMPUNG	74
14: PENGLIBATAN RESPONDEN DALAM SUKAN ANJURAN PASPA	83
15: KEGIATAN RESPONDEN SECARA INFORMAL	88
16: BILANGAN ANAK YANG IDEAL	91

BAB I

bahan berwawancara dan **PENDAHULUAN** golongan ini diambil supaya pengkaji dapat membuat perbandingan di dalam menilai siapakah yang bertanggungjawab dan yang bukan bertanggungjawab terhadap tugas-tugas yang dilakukan di dalam "private job".

1.1 BIDANG KAJIAN

Pengkaji Bagi memenuhi tujuan kajian, pengkaji telah menghadkan skop atau bidang kajian ke dalam beberapa aspek sahaja iaitu berhubung dengan peranan dan sikap wanita terhadap tugas-tugasnya di dalam "private job" dan juga "public job". Oleh itu apa yang dilakukan oleh pengkaji ialah menghuraikan teori-teori dan konsep-konsep peranan serta sikap terhadap kaum wanita yang terlibat di dalam penduaan tugas ini.

Untuk menjelaskan lagi bidang kajian ini, pengkaji akan meninjau serba sedikit mengenai latar belakang responden serta taraf pendidikan yang telah diterima supaya pengkaji dapat menentukan apakah faktor-faktor yang mendorong dan menghalang kaum wanita ini untuk terus memegang peranan terhadap "public job" itu. Demikian juga terhadap faktor-faktor yang mendorong bagi kaum wanita ini untuk terus melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti yang terdapat di luar dari pejabat.

Pengkaji memilih dua golongan kaum wanita yang bekerja di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia, Jalan Cenderawasih, Kuala Lumpur. Kedua-dua golongan itu ialah golongan yang

belum berumahtangga dan yang sudah berumahtangga. Kedua-dua golongan ini dipilih supaya pengkaji dapat membuat perbandingan di dalam menilai sikap wanita yang belum berumahtangga dan yang sudah berumahtangga itu terhadap tugas-tugas yang dijalankan di dalam "private" ataupun "public job" serta bagaimana pula sikap golongan ini apabila tinggal berjauhan dengan keluarga di kampung. Pengkaji ingin melihat adakah dengan kehidupan di bandar akan menimbulkan sikap negatif terhadap hubungan dengan keluarga dan juga rakan-rakan sepejabat. Akhir sekali pengkaji membuat rumusan berdasarkan data-data serta pemerhatian-pemerhatian yang telah dijalankan.

1.2 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini adalah merupakan satu kajian kes mengenai peranan dan sikap wanita yang bekerja khususnya wanita yang bekerja di sektor awam. Ia menumpukan perhatian kepada persoalan wanita dan pekerjaan iaitu dari segi perkembangan bilangan pekerja-pekerja wanita, khususnya wanita-wanita Melayu di dalam berbagai-bagai bidang pekerjaan dan pengkaji seterusnya bertujuan untuk melihat pengaruh penyertaan wanita-wanita yang sudah berumahtangga di dalam pekerjaan ke atas corak kekeluargaan.

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat peranan wanita-wanita ini di dalam rumahtangga iaitu sebagai isteri dan ibu serta tugasnya di luar rumahtangga sebagai seorang pekerja yakni menekan-

kan peranan wanita di dalam "public job".

Tujuan pengkaji memilih dua golongan responden kerana pengkaji ingin mengetahui bagaimana sikap golongan yang belum berumahtangga terhadap pekerjaan dan juga terhadap keluarga kerana dalam memegang peranan dalam "public job" itu, mereka terpaksa tinggal berjauhan dengan keluarga dan mereka cuba hidup dengan cara mereka sendiri. Manakala tujuan pengkaji memilih golongan yang sudah berumahtangga kerana pengkaji akan mengkaji keadaan keluarga di mana kedua-dua isteri dan suami keluar bekerja. Dengan bekerja bermakna isteri terpaksa keluar dari rumah dan bebas dari urusan rumah tangga buat beberapa waktu pada tiap-tiap hari bekerja. Wanita-wanita ini juga dipilih kerana tujuan pengkaji adalah untuk melihat sejauh manakah isteri di rumah bagi beberapa waktu pada setiap hari bekerja mempengaruhi perhubungan dengan suami dan anak-anak. Juga bagaimana isteri yang bekerja boleh menyesuaikan tugas-tugasnya di tempat kerja dengan tugas-tugasnya di rumah. Tidak ketinggalan juga, ianya bertujuan untuk melihat sejauh mana keluarga jenis ini telah berubah dari keluarga Melayu tradisional sama ada terdapat pemutusan langsung daripada keluarga asal (family of orientation) dan bagaimana keadaan ini menimbulkan keluarga baru yang tipikal bagi masyarakat industri - bandar.

Akhir sekali kajian ini bertujuan untuk melihat apakah faktor-faktor yang bertanggungjawab di dalam menghalang dan menggalak golongan wanita-wanita ini untuk terus bergerak cergas

di dalam kegiatan-kegiatan di luar lingkungan rumah tangga. Faktor-faktor yang memboleh dan menghadkan penglibatan wanita di bidang sosio-ekonomi juga menarik perhatian pengkaji. Faktor-faktor ini dilihat sama ada iaanya menjadi faktor penggalak wanita-wanita untuk melibatkan diri di dalam kegiatan sosio-ekonomi, menambahkan pendapatan keluarga ataupun hanya ingin meluaskan pergaulan dengan anggota-anggota masyarakat yang lain atau sebagai faktor yang menghalang penglibatan wanita di dalam kegiatan tersebut.

1.3 METODE KAJIAN

Kajian kerjaluarn telah dilakukan oleh pengkaji dengan berulang-alik dari tempat tinggal pengkaji dengan tempat yang hendak dijalankan kajian. Jauhnya adalah lebih kurang 5 kilometer. Kajian ini memakan masa selama kira-kira sebulan iaitu bermula dari 1 Mac dan berakhir pada 28 Mac. Dalam menjalankan kerjaluarn ini, pengkaji telah menjalankan berbagai-bagai metode kajian untuk mendapatkan maklumat dan data-data yang diperlukan.

Gabungan cara kajian secara teori dan kerjaluarn merupakan cara yang paling sesuai untuk mendapatkan maklumat dan gambaran yang lebih dekat dan jelas tentang latar belakang responden dan keadaan yang hendak dikaji.

Metode pertama yang dilakukan ialah merujuk kepada bahan terkumpul. Kaedah ini adalah bertujuan untuk mendapatkan

sedikit sebanyak tentang teori dan konsep yang akan digunakan dalam latihan ilmiah ini. Bahan-bahan yang terkumpul atau kajian perpustakaan ini adalah merujuk kepada buku-buku, makalah-makalah, ese-i-esei dan sebagainya yang telah dibuat oleh para pengkaji yang terdahulu dengan tujuan mengukuhkan lagi persoalan yang akan dikemukakan nanti.

Cara yang kedua yang telah digunakan dalam membuat kajian ini ialah dengan menggunakan soal-selidik atau "questionnaires". Soal-selidik ini mempunyai dua bentuk soalan iaitu soalan tertutup dan soalan terbuka.

Soalan tertutup ini merupakan bentuk-bentuk soalan yang telah disediakan jawapannya untuk dipilih oleh responden. Soalan-soalan seumpama ini khususnya dikemukakan untuk mengetahui latar belakang responden dari segi pelajaran, umur, kedudukan ekonomi dan lain-lain keterangan yang dapat diturunkan dalam bentuk jadual bagi mendalami keadaan-keadaan tertentu.

Sementara soalan terbuka pula adalah bentuk soalan di mana pendapat atau idea-idea responden diperlukan. Di sini pengkaji memberi peluang kepada responden untuk menjawap berdasarkan kepada pendapat masing-masing. Ferstinger dan Katz mengatakan soalan terbuka adalah,

".....in which the topic given is structured for respondent but he is given the task of answering in his own words, structuring answers as he sees fit and speak at whatever length....."

Tujuan menggunakan soal-selidik ialah untuk mengimbangkan data-data yang diperolehi daripada tiap-tiap responden supaya keputusannya kelak akan memberi gambaran yang sebenar akan masalah yang dikaji.

Untuk menguatkan lagi data-data yang diperolehi itu, pengkaji menggunakan metode "temubual" iaitu dengan mengadakan perbualan secara tidak rasmi. "Informal interview" ini amat perlu sekali untuk melengkapi maklumat-maklumat dan data-data yang diperlukan, yang mana ianya tidak dapat dipenuhi dengan cara soal-selidik. Dengan membiarkan responden yang berkenaan memberi maklumat yang kemungkinannya tidak akan dikeluarkan secara "sedar". Selain daripada itu, melalui perbualan begini, sedikit sebanyak telah dapat mewujudkan hubungan yang mesra di antara pengkaji dengan responden, di mana situasi begini adalah diperlukan untuk mendapatkan data-data dan maklumat yang tepat.

¹Ferstinger, L. A. Katz D; Research Methods In The Behavioural Sciences, Holt, Rinehart and Winston Inc., U.S.A. 1953.
Hal 351.

Cara keempat ialah melalui pemerhatian. Metode ini dianggap penting di dalam membuat satu-satu kajian sebagaimana pendapat Sellitz,

".....observation is not only one of the most pervasive acts of daily life, it is a primary tool of scientific inquiry....."²

Metode ini penting untuk melengkapi kedua-dua metode soal-selidik dan "informal interview", di samping dapat membuktikan dan menguatkan lagi kebenaran yang diberikan oleh responden ketika ditemubual, adakah jawapan-jawapan yang diberikan itu berpaduan dengan keadaan yang sebenar atau sebaliknya. Selain daripada itu, pemerhatian juga dapat digunakan untuk menjawab perkara-perkara yang boleh dianggap sensitif oleh responden. Menerusi pemerhatian juga, pengkaji dapat melihat gambaran yang lebih jelas bagaimana kaum wanita itu menjalankan kerja-kerja mereka, kecekapan bekerja, cara mengatur pekerjaan serta pergaulan mereka sama ada di kalangan rakan-rakan sejawat mahupun dengan pegawai-pegawai atasannya. Seterusnya melalui pemerhatian juga pengkaji mencatatkan apa yang dilihat terhadap pekerja-pekerja wanita misalnya apa yang dilakukan semasa waktu rehat dan juga ketika hendak pulang yakni di waktu petang.

² Sellitz, Claires; Research Methods In Social Relations, Revised one-volume edition, New York, 1959. Hal 200.

1.4

MASALAH KAJIAN

Di dalam jangkamasa pengkajian dijalankan iaitu selama sebulan, pengkaji telah menghadapi beberapa masalah yang sedikit sebanyak telah menghalang kelincinan kajian. Walau bagaimanapun masalah-masalah itu dapat diatasi walaupun tidak kesemuanya sekali.

Masalah yang besar di dalam satu-satu kajian ialah untuk mendapatkan keterangan yang betul daripada "informant". Sambutan terhadap soal-selidik yang dikemukakan tidak begitu baik pada peringkat awal kerana pertama sekali ada di antara soalan-soalan yang dikemukakan dianggap oleh pekerja-pekerja itu sebagai terlalu personal. Oleh itu mereka enggan menurunkan butir-butir yang dianggap personal oleh kerana mereka takut kalau-kalau nama mereka akan digunakan di dalam analisa kelak.

Kesulitan ini telah dapat diatasi melalui temuramah yang diadakan dengan pekerja-pekerja yang enggan memberi jawapan bertulis atau di mana soal-selidik-soal-selidik yang dikemukakan tidak diisi dengan penuhnya. Walau bagaimanapun temuramah-temuramah "informal" ini adalah berpandukan kepada soalan-soalan yang terdapat di dalam soal-selidik itu juga. Sambutan terhadap temuramah sungguh memuaskan kerana tidak terdapat keengganan di pihak responden untuk menjawab apa-apa juar soalan yang dikemukakan.

Selain daripada masalah untuk mendapatkan kerjasama dari responden, ada lagi masalah yang dikatakan memberi sebab ketidaklicinan dalam menjalankan kajian. Misalnya ketika pengkaji sedang asyik bertemu ramah dengan responden, tiba-tiba ada panggilan telefon untuk responden berkenaan. Jadi terpaksa temubual ini dihentikan. Oleh yang demikian dengan secara tidak langsung, perbualan yang sedang berjalan lancar terhenti dan idea atau pandangan yang sedang lahir dalam fikiran responden akan terus hilang.

Masalah yang lain ialah berkenaan dengan jawapan yang diterima dari responden. Ramai responden-responden yang terpengaruh dengan jawapan-jawapan dari rakan-rakannya. Oleh itu kesan kepada jawapan yang diterima adalah lebih kurang sama.

Walaupun berbagai-bagai masalah terpaksa dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajiannya, namun masalah ini telah beransur-ansur berkurangan apabila responden tidak lagi menganggap pengkaji itu sebagai "orang luar". Di peringkat akhir kajian, responden telah menunjukkan sikap kerjasama yang sungguh membanggakan pengkaji kerana data-data yang diperolehi melalui perbualan "informal" itu bersesuaian dengan matlamat latihan ilmiah ini.

BAB II

HURATAN MENGENAI KONSEP-KONSEP

Pada dalam bab ini, penkaji akan menghuraikan konsep-konsep dan teori-teori yang berkaitan dengan tajuk latihan ilmiah yang telah dijalankan oleh ahli-ahli sociologi. Tujuan utama penghuraian konsep-konsep adalah untuk memudahkan pemahaman bagi bab-bab yang berikutnya. Konsep-konsep yang harus diberikan penekanan ialah konsep peranan dan sikap yang disinkan oleh golongan-golongan wanita iaitu meliputi peranan dan sikap terhadap pekerjaan dan rumah tangga.

2.1 DEFINASI PERANAN

Dalam memberi definasi peranan yang agak tepat, masih belum ada lagi satu ketetapan tentang pengertiannya. Kekeliruan ini membolehkan para teoris menggunakan istilah ini dengan berbagai-bagi cara tanpa membezakannya. Oleh kerana keadaan inilah, konsep peranan itu tidak dapat didefinisikan dengan begitu tepat dan jitu oleh para sarjana. Dengan kata lain, definasi-definasi yang diberikan oleh seorang sarjana dengan sarjana yang lain adalah berbeza-beza.

Bantos telah menggambarkan perbezaan terhadap definisi-definasi peranan yang telah diberikan oleh beberapa orang sarjana

di dalam bukunya "ROLES". Katanya Linton dan Newcomb mendefinisikannya sebagai peranan, tetapi bagi Kinsley Davis pula, ia mengatakan peranan itu sebagai status. Apa yang Davis anggap sebagai peranan, Newcomb mengatakannya sebagai perlakuan peranan (role behaviour) dan T. R. Sarbin pula menyebutnya sebagai peraturan peranan (role enactment)³.

Begitulah pencanggahan pendapat dalam mendefinasikan "Peranan" ini pada tahun-tahun 60an. Di dalam tahun-tahun 70an, terdapat definisi yang lebih kukuh dari tahun-tahun sebelumnya.

N. Gross di dalam sebuah buku yang bertajuk ROLE mendefinasikan peranan seperti berikut,

"Role is defined as a set of expectation or in terms of our definition of expectations. It is a set of evaluative standards applied⁴ to the incumbent of a particular position."

Di dalam buku yang sama, R. Frankenberg mendefinasikan peranan sebagai,

³ Banton, Michael: Roles, An Introduction To The Study of Social Relations. Tavistock Publications, London. 1965. Hal 28.

⁴ Gross, N: Role. University Press, Cambridge; 1972.

"People expect appropriate behaviour from the holder of a particular position.⁵ The sum of these expectation is the role."

Namun demikian terdapat sedikit perbezaan terhadap konsep peranan yang dikemukakan oleh Wallace dalam bukunya *Sociological Theory*. Definasi yang diberikannya berbunyi,

"Role as a routinely performed activity which depend for its continuity on the routine performance of other activities."⁶

Sebagai kesimpulan dapatlah kita katakan bahawa peranan itu adalah sebagai satu pola kelakuan jangkaan (expected behaviour) yang berkaitan dengan status atau kedudukan sosial seseorang dalam sesuatu kelompok atau situasi sosial. Perlakuan peranan ini pula adalah perlakuan yang biasa ditunjukkan di dalam menjalankan aktiviti atau tugas-tugas yang khusus itu. Oleh yang demikian, status dan peranan saling berkait rapat dan merupakan dua cara untuk memperihalkan suatu situasi yang sama. Sepertimana yang telah diperkatakan oleh Linton, "role" atau peranan itu mewakili aspek dinamik sesuatu status. Kedua-duanya saling bergantungan dan peranan tidak dapat wujud tanpa status dan begitu juga di sebaliknya. Umpamanya si A memainkan peranan sebagai guru kepada si B, sebaliknya si B

⁵ Ibid. Hal 110.

⁶ Wallace, Walter L: Sociological Theory, Heineman Educational Books Ltd., London. 1969. Hal 84.

berperanan sebagai pelajar kepada si A. Dengan demikian jelaslah kedua-dua status dan peranan itu saling berhubungan. Jangkaan peranan yang mungkin dimainkan oleh seseorang seperti si A tadi selalunya dianggap sebagai tanggungjawab atau tugas yang harus dipikul oleh seseorang, manakala bagi si B pula, jangkaan peranan yang dimainkannya adalah merupakan haknya. (rights).

Dalam menjalankan satu-satu pekerjaan, peranan itu memang tidak dapat dielakkan dari tugas seseorang itu. Dalam kehidupan sehari-hari, seseorang individu itu memainkan banyak peranan, yang juga dikenali sebagai "Role Set". Misalnya di dalam satu keluarga, seorang wanita itu akan menjadi seorang isteri, seorang ibu, seorang suri rumah, seorang kakak kepada adik-adik malah sebagai seorang anak sekiranya ia tinggal bersama-sama dengan ibu bapanya. Manakala peranan-peranan yang telah disebut tadi akan berubah apabila melangkah saja ke luar rumah tangga, misalnya berperanan sebagai pegawai di pejabat, jururawat, pendidik dan sebagainya. Situasi yang berbeza di antara di dalam rumah tangga dan di luar rumah tangga itu telah mengubahkan peranan seseorang individu dan setiap peranan yang dimainkan oleh setiap individu itu mempunyai hubungan yang amat rapat dengan statusnya. Oleh yang demikian peranan yang dimainkan oleh seseorang individu itu adalah tidak semata-mata tertumpu pada satu peranan saja, malah seorang individu itu dalam kehidupannya sehari-hari memegang banyak peranan dan ini juga dikenali sebagai "multiple role".

Peranan yang dimainkan oleh setiap individu itu adalah berbeza-beza baik di dalam sesuatu organisasi ataupun sistem sosial, sama ada mengikut faktor biologi, seks dan umur individu-individu itu. Tegasnya perbezaan peranan ini disebut sebagai nilainya di dalam masyarakatnya.

Peranan wanita di dalam masyarakat yang ia anggotai bergantung kepada statusnya dalam masyarakat tersebut. Di dalam masyarakat tradisi, peranan wanita tidak begitu dipentingkan kerana ia hanya memainkan peranan sebagai ibu, suri rumah dan anggota masyarakat. Tetapi di dalam masyarakat yang telah maju seperti masyarakat di masa kini, wanita telah memainkan peranan yang dulunya dipegang oleh kaum lelaki saja. Mereka telah menjalankan kerja-kerja yang dilakukan oleh kaum lelaki seperti menjadi ketua pejabat, pemandu kereta, ahli-ahli sains dan sebagainya. Bagi masyarakat Melayu desa yang masih berpegang kepada adat tradisi, faktor jantina masih menentukan peranan seseorang itu. Pada dasarnya wanita masih dianggap lemah yang mana golongan ini hanya sesuai untuk membuat kerja-kerja yang ringan saja. Wanita hanya diberi peranan untuk mengurus rumahtangga dan mengasuh anak-anak saja.

Dari huraian di atas jelaslah kepada kita bahawa status itu menentukan peranan yang harus dimainkan oleh seseorang individu itu di dalam menjalani kehidupannya sehari-hari. Ini bersesuaian sekali dengan definasi yang diberikan oleh Ralph Linton di dalam bukunya yang berjudul "The Study of Man" yang berbunyi

demikian,

".....a role represents the dynamic aspect of a status. When (an individual) puts the rights and duties into effect, he is performing a role"⁷

Maksudnya peranan itu adalah untuk melahirkan perlakuan dari satu kedudukan atau status. Ini bererti peranan yang dimainkan oleh individu itu adalah satu perlakuan dari satu kedudukan atau status individu itu. Oleh kerana tiap-tiap individu itu mempunyai tugas dan hak yang tertentu di dalam masyarakat yang ia anggotai, maka ini bererti tugas dan hak yang ada padanya itu akan menentukan peranan yang dimainkan olehnya.

2.2 PERANAN WANITA DALAM PEKERJAAN

Seseorang wanita itu tidak terbatas akan peranannya di dalam kegiatan sehari-hari, malahan kaum wanita mempunyai peranan yang lebih luas dari kaum lelaki. Peranan kaum wanita boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu "private" dan "public".

Tugas-tugas wanita yang dikatakan "private" memang tidak dapat dipisahkan walaupun ia menjalankan tugas-tugas yang di-

⁷ Linton, Ralph: The Study of Man, Appleton, Century-crofts, New York, 1936. Hal 6.

katakan "public job" itu. Apa yang diertikan sebagai tugas-tugas "private" ialah tugas-tugas yang berkisar di dalam rumah tangga sahaja seperti suri rumah tangga, menjadi ibu kepada anak-anak dan juga kewajipan isteri kepada suami. Manakala tugas "public" pula adalah tugas-tugas yang dijalankan di luar dari lingkungan rumah tangga yang mana tugas-tugas ini sering dijalankan oleh kaum lelaki. Oleh itu jelaslah kepada kita bahawa tugas "public" dan "private" merupakan dua tugas yang dipegang oleh kaum wanita yang sering juga disamaartikan dengan "dual career".

Memang tidak dapat dinafikan bahawa jika dibandingkan peranan wanita di zaman tradisional dengan zaman yang serba maju sekarang ini, peranan wanita memang agak jauh berbeza. Kalau dulu sememangnya wanita ditempatkan di rumah bagi menjalankan kerja-kerja mengurus rumah tangga saja. Begitu juga di zaman primitif, orang lelaki ditugaskan keluar memburu untuk dijadikan bahan makanan keluarganya, dan sampailah ke hari ini, aktiviti ekonomi itu masih dipikul oleh orang lelaki yang berperanan sebagai "ketua" di dalam rumah tangga.

Mengikut pendapat Darling dalam "The Role of Women In The Economy" berbunyi seperti berikut,

".....the husband's primary responsibility is to bring in a money income and the wife's is to manage the children and home."⁸

Dalam keterangan ini menegaskan bahawa tempat wanita yang khusus adalah di rumah. Tugas wanita di dalam "nuclear family" itu adalah sebagai isteri kepada suami dan ibu kepada anak-anak yang dilahirkan.

Di hari ini, peranan wanita tidak lagi terhad kepada tugas-tugas "private" semata-mata malah sudah begitu ramai yang telah menceburkan diri ke dalam tugas-tugas "public" ini. Penglibatan mereka ini bukan lagi suatu perkara yang aneh tetapi ianya sudah menjadi perkara biasa saja di kalangan masyarakat sekarang.

Penglibatan kaum wanita ke dalam bidang "public job" ini boleh dilihat dari dua sudut pandangan. Pertamanya golongan wanita di hari ini sudah ramai yang mempunyai pelajaran yang tinggi. Oleh itu, dengan kepandaian yang mereka capai dan perolehi itu, maka mereka telah ditempatkan ke jawatan-jawatan yang baik dalam sektor Kerajaan mahupun di sektor swasta.

Mengikut Darling lagi, di dalam buku yang sama, mengatakan bahawa,

⁸

Darling, Martha; The Role of Women In The Economy,
Organisation for Economic Co-operation and Development,
Paris. 1975. Hal 13.

"Educational attainment is directly related to the labour force participation of woman."⁹

Jadi di sini menampakkan semakin ramai wanita yang mempunyai pelajaran, maka kadar penglibatan wanita dalam bidang "public" juga semakin meningkat dari hari ke hari. Peranan yang ditunjukkan oleh kaum wanita dalam keadaan ini bukanlah berdasarkan sangat kepada faktor ekonomi tetapi adalah untuk kesenangan perseorangan sahaja. Hal ini juga dijelaskan oleh Darling dalam bukunya yang sama (1975: 28). Ia menegaskan, sungguhpun isteri-isteri tadi yang mempunyai tingkat pelajaran yang tinggi dan mempunyai suami yang berpendapatan tinggi, namun penglibatan mereka dengan tugas "public" itu adalah lebihnya untuk kepuasan perseorangan dari faktor-faktor ekonomi.

Dari sini lahirlah cerdik pandai-cerdik pandai dari kalangan wanita yang akhirnya memainkan peranan mereka bukan sahaja di bidang ekonomi, malah di bidang sosial dan politik.

Golongan kedua bagi wanita yang bergiat di bidang "public" ini ialah golongan yang mempunyai pendapatan keluarga yang rendah dan tidak mencukupi bagi menampung kehidupan di hari ini lebih-lebih lagi bagi mereka yang tinggal di bandar-bandar besar

⁹ Ibid., Hal 76.

kerana kos kehidupan di bandar boleh dikatakan agak tinggi jika dibandingkan dengan keadaan di luar bandar. Pendapatan keluarga atau suami yang tidak mencukupi ini telah menjadi faktor pendorong bagi golongan wanita untuk keluar mencari kerja iaitu "public job". Dengan demikian golongan wanita yang bekerja dan memainkan peranan dari segi publik ini adalah kerana terdesak disebabkan kemiskinan keluarga. Dalam hal ini, seorang sarjana bernama Janeway telah menegaskan bahawa,

"One would hardly expect all women who have to get jobs because their husbands aren't able to support the family."¹⁰

Dari tegasan yang dibuat oleh Janeway di atas jelaslah bahawa disebabkan ketidakmampuan suami, maka wanita-wanita telah memaksa diri mereka untuk keluar dari lingkungan rumah tangga demi untuk menjalankan kegiatan-kegiatan "public". Golongan-golongan wanita seperti ini selalunya pula tidak mempunyai pelajaran yang begitu tinggi bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik. Bagi golongan ini, apa yang penting ialah mereka dapat memperolehi wang untuk memperbaiki keadaan hidup mereka sekeluarga. Oleh yang demikian golongan wanita seperti ini menekankan bahawa kedua-dua peranan mereka baik peranan dalam lingkungan rumah tangga mahupun peranan di luar rumah tangga adalah sama penting.

¹⁰ Janeway, Elizabeth; Man's World, Woman's Place, Michael Joseph Ltd., London. 1972. Hal 234.

Dari sini jelas menampakkan bahawa peranan wanita tidak lagi tertumpu di dalam rumahtangga sahaja tetapi juga telah berubah ke bidang "public" oleh kerana beberapa faktor yang menjadi pendorong untuk mereka bekerja.

Menurut Holter pula, peranan wanita telah berubah adalah disebabkan oleh adanya perubahan dari segi teknologi dan juga nilai-nilai budaya sesebuah masyarakat. Wanita kini telah mendapat kebebasan dari segi peranan yang ingin mereka mainkan. Dengan kemajuan teknologi serta pencapaian mereka dalam bidang pelajaran, membolehkan wanita bersaing dengan kaum lelaki serta memainkan peranan yang sama pentingnya dengan kaum lelaki. Akibat dari perubahan corak ekonomi iaitu dari "self-sufficient" kepada "consumption-oriented economy", telah menyebabkan perubahan peranan yang dimainkan oleh kaum wanita dalam masyarakat. Berserta dengan faktor pencapaian wanita di bidang pelajaran, serta perubahan corak ekonomi dalam masyarakat, maka peranan yang dimainkan oleh wanita juga turut berubah.

Apabila kaum wanita mengalami perubahan di bidang ekonomi, maka secara tidak langsung bidang sosial mereka juga turut berubah. Dengan penglibatan mereka ke alam pekerjaan, mereka tidak lagi tinggal di rumah sepanjang masa. Sebaliknya mereka akan menghabiskan sebahagian besar dari masa mereka untuk bekerja bagi menghasilkan pendapatan. Jadi, dalam hal ini kaum lelaki tidak lagi memonopoli tugas sebagai "bread-winner" dan wanita pula sebagai

"home-making". Ini juga bererti, bagi kaum wanita yang mempunyai anak terpaksa meninggalkan anak-anak mereka di bawah jagaan orang lain. Selain dari itu, kaum wanita juga telah turut bergiat dalam kegiatan-kegiatan yang berhubung dengan masyarakat. Hubungan sosial mereka tidak lagi terhad dalam lingkungan rumah tangga iaitu di antara suami dan anak-anak tetapi juga dengan anggota-anggota dalam kelompok masyarakat yang lebih luas. Dari itu, bolehlah dikatakan dengan kemajuan teknologi yang dialami oleh masyarakat di masa ini, peranan wanita adalah jelas telah berubah. Mereka bersama-sama dengan kaum lelaki telah menceburkan diri dalam bidang yang sama berdasarkan atas kebolehan yang sama.

Bagi Edmund Dahlstrom pula, ia telah membincangkan tentang penduaan tugas atau "dual roles" di antara kerjaya dan rumah tangga atau "career and work". Penulisan Dahlstrom adalah mengenai isteri-isteri yang bekerja sebagaimana yang terdapat di dalam masyarakat-masyarakat bandar. Dari penulisan dan kajian oleh Dahlstrom ini boleh dibuat satu hipotesis iaitu perubahan corak masyarakat daripada corak tradisional kepada corak masyarakat "industrialised" telah mengubah corak ekonomi, politik dan sosial masyarakat itu sendiri. Keadaan ini telah mengubah pula nilai dan sikap masyarakat dan perubahan-perubahan ini telah membuka peluang kepada wanita-wanita untuk keluar daripada kongkongan rumah tangga untuk menerima pelajaran serta berjuang untuk mencapai kedudukan yang lebih tinggi. Keadaan ini pula menghasilkan satu golongan keluarga-keluarga baru yang mempunyai kedua-dua suami dan isteri

bekerja untuk mencari pendapatan yang lebih **bersesuaian** dengan corak hidup semasa. Keadaan ini pula telah mengubah corak keluarga daripada bentuk "extended" yang selalu terdapat di dalam masyarakat tradisional kepada keluarga yang lebih kecil iaitu "nuclear family". Di samping itu ia juga mengubah perhubungan dan pergaulan di dalam dan di antara keluarga baru dengan keluarga asal.

Wanita sebagai satu tenaga dalam kehidupan masyarakat tidak dapat dinafikan lagi sekarang ini. Keadaan ini jauh berbeza daripada masa dulu bila tenaga wanita tidak dipandang berat dan tidak diberi penilaian yang sewajarnya. Konsep wanita sebagai penjaga rumah tangga telah berubah akibat proses pemodenan di seluruh dunia yang memerlukan seluruh tenaga dari masyarakat dipergunakan untuk kemajuan sesebuah negara. Dari hakikat ini lahirlah pandangan baru bahawa wanita diperlukan untuk sama bergerak dengan kaum lelaki dalam apa jua bidang sekalipun.

Sekarang dengan berlakunya perubahan-perubahan dalam masyarakat, baik dalam bidang politik, ekonomi, pelajaran dan sosial telah juga mengubah kedudukan dan peranan yang dimainkan oleh kaum wanita. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat itu telah menyedarkan kaum wanita tentang hak-hak mereka, khususnya dalam bidang pekerjaan yang luar daripada rumah tangga. Di samping itu pula, dasar Kerajaan dalam meningkatkan lagi tenaga kerja dalam pelbagai bidang pekerjaan di waktu akhir-akhir ini telah menambahkan lagi minat dan menarik lebih ramai lagi kaum wanita untuk melibatkan

diri dalam lapangan "public job".

Dari ringkasan tulisan oleh Dahlstrom ini bolehlah dibuat satu hipotesis iaitu perubahan corak masyarakat daripada corak tradisional kepada corak "industrialised" telah mengubah kedudukan dan peranan seorang wanita.

Penyertaan wanita di dalam bidang pekerjaan di luar rumah sebenarnya bukanlah suatu perkara yang baru. Sejak dari zaman nenek moyang lagi kaum wanita telah melakukan kerja-kerja di luar rumah tangga terutama dalam bidang ekonomi. Oleh kerana pada zaman pra-industri itu aktiviti ekonomi bercorak pertanian, ia memerlukan tenaga buruh yang banyak. Disebabkan keadaan ini, wanita juga turut ke ladang-ladang yang luas itu untuk membantu suami atau keluarga mereka. Namun demikian terdapat perbezaan di antara tugas di luar rumah di masa dulu dan sekarang. Pada masa dulu wanita tidak mempunyai masa yang tetap dan peraturan kerja yang ketat di dalam menjalankan tugas-tugas itu.¹¹ Mereka tidak ditentukan masa untuk bekerja. Misalnya mereka tidak dipaksa masuk kerja pada pukul 8.00 pagi dan balik jam 4.15 petang.

¹¹ Khadijah Hj. Mohamad dalam majalah WANITA. Tajuk artikel "Sikap Masyarakat Terhadap Wanita." Kumpulan Syarikat Utusan Melayu (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur. April 1977.

Wanita-wanita di masa dulu boleh membawa anak-anak sewaktu bekerja dan boleh kembali ke rumah pada bila-bila masa yang diperlukan. Selain daripada itu, jika anak-anak tidak dapat dibawa bersama ke ladang, anak-anak ini akan ditinggalkan kepada saudara-mara atau jiran yang senantiasa membantu mereka. Ini adalah kerana masyarakat di masa dulu bersistem keluarga besar atau bercorak "extended family" di mana hubungan solidaritinya sangat erat. Oleh kerana itu wanita di zaman dulu dapat menyelaraskan tugas dalam rumah tangga dan di luar rumah dengan berjayanya. Ini berbeza dengan wanita yang menduakan tugasnya pada zaman moden ini di mana mereka terpaksa bekerja dalam waktu-waktu yang telah ditentukan oleh Kerajaan atau pihak majikan. Bentuk keluarga juga telah mengalami perubahan kerana di zaman moden ini, bentuk keluarga yang sering didapati adalah berbentuk "nuclear family".

Derek Gill telah memberi pandangan berhubung dengan kedudukan dan peranan wanita seperti berikut,

"In the nineteenth century until well into the last two decades, and especially among the middle classes, a woman's place was unequivocally seen to be in the home."¹²

¹² Gill, Derek; Illegitimacy, Sexuality And The Status of Women, Billing and Sons Ltd., London. 1977. Hal 179.

Dari pandangan yang dikemukakan oleh Gill ini jelas menunjukkan bahawa tempat yang diberikan kepada kaum wanita adalah di sekitar rumah saja, manakala pekerjaan yang diserahkan kepada kaum wanita pula hanya tertumpu kepada pengurusan hal-hewal rumah tangga.

Manakala bagi Iglehart pula, ia berpendapat bahawa,

"Housekeeping was every wife's career
and pressure was exerted to make sure
women became housewives after marriage."¹³

Jelas dari sini Iglehart menekankan bahawa kerja yang khusus bagi seseorang wanita itu adalah mentadbir hal-hewal rumah tangga dan juga mengurus keluarganya. Seseorang wanita itu rela dan akan bersedia menghadapi alam rumah tangga seterusnya memainkan peranan sebagai isteri kepada suami dan ibu kepada anak-anak dengan sepenuh masa. Pendapat Iglehart ini telah mendapat sokongan dari Dahlstrom dan Duckworth tetapi mereka memberikan kerja kepada wanita hanya sebanyak dua jenis gambaran sahaja. Mengikutnya,

"....the mother was left alone to care
for the household and children."¹⁴

¹³ Iglehart, Alfreda P.; Married Woman and Work. Lexington Books, Massachusetts. 1979. Hal 9

¹⁴ Dahlstrom, Edmund; The Changing Roles of Men and Women, Gerald Duckworth & Co. Ltd. London, 1967. Hal 21

Dari sini jelas menunjukkan pendapat-pendapat di atas menguatkan lagi hujah yang telah dibuat oleh Iglehart tadi. Keseluruhannya golongan wanita diberikan peranan sebagai isteri dan ibu di dalam sesebuah rumah tangga itu. Dengan kata lain, masa untuk kaum wanita semata-mata diperuntukkan di dalam rumah tangga saja.

Pendapat-pendapat di atas memang tidak dapat lari jika dipandang dari sudut masyarakat Islam kerana Islam menempatkan wanita di dalam rumah tangga manakala suami keluar untuk mencari nafkah. Walaupun demikian, pada zaman yang serba maju sekarang ini, di sekeliling kita wanita telah memainkan peranan yang penting malah tidak kurang pentingnya jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Kaum wanita di masa kini telah pun melibatkan diri di dalam berbagai-bagai bidang pekerjaan yang selama ini dipegang oleh kaum lelaki sahaja.

Iglehart, dalam bukunya yang sama (1979: 9), mengatakan rumah tidak lagi menjadi benteng atau sempadan untuk wanita itu terus bergiat di luar rumah. Seterusnya ia mengatakan bahawa wanita di masa kini telah menjalankan "dual career" iaitu suri rumah tangga dan juga pekerja di luar rumah. Oleh itu kian hari semakin ramai wanita yang sedar tentang hak mereka, telah keluar bekerja dan ramai pula yang telah berjaya di dalam kedua-dua bidang "private" dan "public".

Kaum wanita di dunia yang serba maju ini tidak boleh lagi ketinggalan, malah sudah boleh berganding bahu dengan kaum lelaki. Ianya sudah tidak boleh dianggap alat untuk kaum lelaki lagi sebaliknya merupakan tangan untuk membantu dalam apa jua aspek sekalipun.

Di zaman sains dan teknologi hari ini tidak dapat dinafikan lagi bahawa wanita juga bertanggungjawab terhadap kesempurnaan masyarakatnya. Wanita kini sudah berkebolehan dalam semua bidang dan tidak kurang pula yang sudah mencapai kejayaan. Namun di zaman yang semakin mencabar pada hari ini, kita menyedari bahawa seorang wanita mempunyai tanggungjawab yang lebih berat kerana memikul dua tugas yang penting.

Kita sedari bahawa kini ramai wanita yang sudahpun berumahtangga masih lagi bergiat dalam profesion masing-masing. Namun dia tidak dapat mengelakkan diri dari peranannya sebagai seorang suri rumah dan ibu kepada anak-anak yang disayanginya. Oleh yang demikian, seorang ibu yang berkelulusan dan bekerja sebagai ahli profesional mendokong dua peranan yang memerlukan pembahagian tugas dan masa terhadap soal-soal kekeluargaan dan juga terhadap tugas-tugas di pejabat.

Pada keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa peranan wanita di masa kini begitu luas kerana peranan mereka tidak lagi tertumpu kepada sekitar rumahtangga saja malah memegang peranan

yang sama penting dengan kaum lelaki bersetujuan dengan dunia yang serba maju di masa kini.

2.3 DEFINASI SIKAP

Setelah pengkaji menghuraikan tentang konsep-konsep peranan serta peranan wanita dalam pekerjaan maka bagi memudahkan pemahaman dalam bab-bab seterusnya, adalah lebih baik dihuraikan dengan jelas konsep sikap pula.

Konsep sikap seperti juga konsep peranan di mana kedua-dua konsep tersebut masih lagi dalam kekeliruan dan tidak dapat dihuraikan dengan begitu tepat dan jitu. Dengan kata lain, konsep sikap terlalu luas dan berbeza-beza di antara seorang sarjana dengan sarjana yang lain.

Dalam menjelaskan konsep sikap, mengikut Kreech adalah seperti berikut,

"An attitude can be defined as an enduring system of three components centering about a single object, the beliefs about the object - the cognitive components; the effect connected with the object - the feeling components; and the disposition to take action with respect to the object - the action tendency component."¹⁵

¹⁵ Kreech, Crutchfield and Ballachey; Individual In Society, New York, Mc-Graw Hill Brook Co. Inc. 1962. Hal 147.

Sebenarnya interpretasi yang diberikan terhadap perkataan ini terlalu luas. Encyclopaedia Britanica pula menghuraikan secara ringkas adalah seperti berikut,

"Suatu kecenderungan ke arah suatu reaksi yang tertentu. Secara amnya iaanya digunakan sebagai satu istilah yang menggambarkan paduan fikiran, kepercayaan, sentimen dan kecenderungan seseorang. Sebagai kecenderungan ke arah sesuatu perbuatan, sikap selalu mementingkan perasaan dan emosi. Hanya boleh digambarkan pendirian sama ada menentang atau menyokong, meluluskan atau tidak meluluskan, menyukai atau tidak menyukai terhadap sesuatu keadaan yang tertentu. Sikap boleh berubah-ubah mengikut masa dan keadaan sekeliling."

Encyclopaedia Americana juga memberikan penghuraian yang lebih kurang sama dengan penghuraian di atas. Di antaranya ialah,

"Suatu kecenderungan untuk menerima dengan suatu cara tertentu terhadap seseorang, suatu objek, keadaan, peristiwa atau idea. Seseorang yang menunjukkan sikap terhadap sesuatu adalah sebenarnya menunjukkan kesedaran terhadap perkara tersebut."

Beisecker dan Parson mengertikan sikap sebagai satu kumpulan atau kategori penilaian yang dilakukan atau dibentuk oleh seseorang individu hasil dari interaksi dengan orang-orang atau benda-benda yang menentukan kadar penerimaan ataupun kadar penolakannya (1972: 110).

Jadi ketiga-tiga pengertian ini jika dilihat secara langsung mempunyai kaitan yang sangat rapat. Di sini elok juga ditegaskan bahawa dalam kajian ini, pengertian sikap dimengertikan dalam hubungan dengan sikap pekerja wanita khususnya wanita di tempat kajian.

Untuk lebih jelas lagi mengenai perkara ini elok juga dibuat satu konklusi yang padat dari ketiga-tiga pengertian di atas. Di sini ada 3 perkara yang dianggap penting:-

- (i) "sikap" secara amnya digunakan sebagai satu istilah yang menggambarkan pemaduan seluruh fikiran, kepercayaan, sentimen, perasaan, emosi dan kecenderungan seseorang terhadap sesuatu.
- (ii) "sikap" boleh dilihat melalui reaksi seseorang terhadap yang lain atau terhadap sesuatu objek, keadaan, peristiwa dan idea, sama ada ia menyukai atau tidak, menerima atau menolak, menyokong atau membangkang dan sebagainya.
- (iii) Walaupun sepetimana yang disebut tadi fikiran adalah mempunyai hubungan rapat sekali dengan sikap. Kalau dilihat fikiran atau sikap sebagai dua benda yang berasingan, ternyata yang kedua-duanya mempunyai perbezaan yang besar sekali. Seseorang itu boleh menunjukkan sikapnya. Dengan cara ini juga sikap hanya boleh digambarkan melalui perbuatan atau reaksi yang timbul hasil dari keputusan yang dibuat oleh percampuran fikiran, kepercayaan atau sentimen."

Dengan huraihan mengenai sikap seperti di atas maka jelaslah sekarang konsep sikap yang ingin dikemukakan oleh pengkaji adalah berhubung dengan sikap wanita sama ada sikap mereka terhadap Pekerjaan mahupun sikap mereka terhadap rakan-rakan sepejabat. Ini

adalah kerana kita sering terdengar akibat zaman yang serba maju ini kedapatan sikap wanita sudah berubah baik sikap mereka terhadap pekerjaan, pergaulan ataupun rumah tangga. Oleh kerana masing-masing sibuk mengejar kemajuan, di samping sibuk menjalankan tugas-tugas di pejabat, tanpa disedari timbul apa yang dikatakan "jurang" yang mana hubungan mereka dengan keluarga sudah tidak begitu erat se-pertimana yang terdapat di zaman dulu. Oleh yang demikian sikap wanita sekarang telah berbeza kerana dipengaruhi oleh peranan yang dimain dalam dunia masa kini.

Mengikut beberapa ahli Antropologi mengatakan bahawa perubahan terhadap sikap wanita itu adalah berpunca dari berlakunya perubahan di dalam pandangan masyarakat, terhadap kaum wanita. Misalnya mengikut pendapat Fransella dan Frost,

"However, being at home, as housewife and mother purely, now had a new meaning. For it meant being non-productive, economically dependant, and isolated and apart from the society."¹⁶

Perubahan yang mendadak ini telah menukar cara berfikir dan sikap di kalangan wanita dan masyarakat. Kaum wanita mulai merasa malu dengan status asalnya sebagai suri rumah, lantas

¹⁶ Fransella and Frost; Woman On Being A Women, Tavistock Publications, London. 1977. Hal 17 - 18.

mereka telah mengubah sikap mereka dan bertukar kepada "career oriented Women". Manakala Goode dan Halt (1971) pula menggambarkan keadaan ini dengan mengaitkan hal ini dengan proses industrialisasi yang berlaku di dalam negara di mana dengan ini kaum wanita berlumba-lumba memegang jawatan di pejabat Kerajaan dan firma-firma dan mengawal wang yang diterima sendiri yang mana dengan berbuat demikian dapat pula memperbaiki "bargaining position" di dalam keluarga tanpa terikat pada suami saja.

Dari sini jelaslah bahawa perubahan sikap wanita di masa dulu dengan sekarang adalah dikaitkan dengan perubahan terhadap peranan yang dipegang oleh kaum wanita itu sendiri.

Pengertian peranan bagi kaum wanita pada masa kini amatlah luas dan tidak terhad pada lingkungan rumah tangga saja dan secara tidak langsung sikap wanita terhadap pekerjaan di luar rumah juga turut menjadi perkara penting kerana ini berhubung rapat dengan zaman yang serba maju.

Ini tidak sahaja dipikai oleh kaum lelaki malah kaum wanita juga turut memikirkan peranan dan melibatkan diri di dalam projek pembangunan negara. Seperihias yang kita ketahui bidang pekerjaan begitu meluas di pusat-pusat bandar terutamanya di Kuala Lumpur, walaupun ada di sektor awam ataupun di sektor swasta, kitaran itu, kaum lelaki dan juga kaum wanita mempunyai peluang yang banyak untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan tersebut walaupun tempat bekerja itu jauh dari tempat tinggal mereka. Cikcik yang dimulai, pengaruh ingin melihat sekalipun manakah kesanggupan kaum wanita ini mampu mencapai keseimbangan antara bekerja dan mendapatkan pekerjaan. Untuk

BAB III

3.1

LATAR BELAKANG RESPONDEN

Untuk melihat implikasi penglibatan wanita secara langsung dalam bidang pekerjaan di luar rumah atau apa yang dikatakan "public job", eloklah terlebih dulu kita lihat latar belakang peribadi responden-responden yang ditemui. Misalnya umur, taraf pelajaran, tempat asal, saiz keluarga, pekerjaan ibu bapa responden dan sebagainya. Ini adalah kerana aspek-aspek ini berkaitan di antara satu sama lain dalam menentukan golongan responden, jenis pekerjaan, pendapatan responden serta sebab-sebab mereka terus bekerja.

Sejajar dengan proses pembangunan negara, semua rakyat mempunyai tanggungjawab untuk sama-sama melaksanakan proses tersebut. Tanggungjawab ini tidak sahaja dipikul oleh kaum lelaki malah kaum wanita juga turut memainkan peranan dan melibatkan diri di dalam projek pembangunan negara. Sepertimana yang kita ketahui bidang pekerjaan begitu meluas di pusat-pusat bandar terutamanya di Kuala Lumpur, sama ada di sektor awam ataupun di sektor swasta. Lantaran itu, kaum lelaki dan juga kaum wanita mempunyai peluang yang banyak untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan tersebut walaupun tempat bekerja itu jauh dari tempat tinggal mereka. Oleh yang demikian, pengkaji ingin melihat setakat manakah kesanggupan kaum wanita ini meninggalkan kampung halaman demi mendapatkan pekerjaan. Untuk

mengetahui dengan lebih jelas sila rujuk jadual berikut.

Ini terdiri dari hasil kajian dari 50 responden yang terdiri daripada 30 responden yang berasal dari Selangor dan 20 responden yang berasal dari negeri-negeri lain. Jumlah responden ini selaras dengan pengkaji. Selangor 48 dan sisa-sisa 2. Seluruh sejati dilahirkan lagi. Namun 90% adalah terdiri dari kaum imigran.

JADUAL 1

TEMPAT ASAL RESPONDEN

TEMPAT ASAL	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
SELANGOR	2	8	2	8
PERAK	9	36	4	16
NEGERI SEMBILAN	2	8	2	8
KEDAH	1	4	2	8
JOHOR	2	8	3	12
PULAU PINANG	1	4	1	4
KELANTAN	3	12	5	20
TRENGGANU	0	0	1	4
MELAKA	5	20	4	16
PERLIS	0	0	1	4
JUMLAH	25	100	25	100

Dari jadual di atas didapati bandar Kuala Lumpur ini

terdiri dari kaum imigran dan mereka berhijrah ke bandar-bandar adalah dengan tujuan mencari pekerjaan. Responden-responden yang

bekerja di sini adalah berasal luar dari bandar ini, yakni mereka ini terdiri dari kaum imigran dari desa ke bandar. Cuma 4% sahaja daripada 50 responden yang ditemubual oleh pengkaji berasal dari Selangor dan terus mendapat pekerjaan di sini. Hasil dari temubual dengan pengkaji, bilangan 4% ini tinggal di Selangor sejak dilahirkan lagi. Manakala 96% adalah terdiri dari pekerja-pekerja yang datang luar dari Selangor dan menetap di sini kerana terikat dengan jawatan masing-masing.

Seterusnya kita perhatikan pula jadual umur bagi

golongan yang melibatkan diri dalam pekerjaan di tempat kajian.

JADUAL 2

UMUR RESPONDEN

UMUR	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
20 - 24	1	4	12	48
25 - 29	15	60	9	36
30 - 34	6	24	4	16
35 - 39	2	8	0	0
40 +	1	4	0	0
JUMLAH	25	100	25	100

Dari jadual di atas didapati kebanyakan responden yang sudah berumahtangga (60%) adalah berumur di antara 25 - 29 tahun. Oleh itu mereka adalah merupakan golongan ibu-ibu muda di dalam sesebuah unit rumah tangga. Manakala golongan terbesar responden yang masih bujang (48%) adalah berumur di antara 20 - 24 tahun. Mereka yang tergolong di dalam kategori ini adalah golongan anak-anak muda yang baru tamat pengajian yang mana bilangan besarnya cuma tamat setakat peperiksaan S.P.M./M.C.E. sahaja. Ini boleh dilihat dalam jadual 3 nanti.

Dari jadual 2 ini juga didapati cuma 4% sahaja wanita yang berumur 40 tahun ke atas yang masih lagi memegang jawatannya di luar rumah. Dalam kajian seterusnya kita akan dapat mengetahui faktor-faktor yang mendorong wanita-wanita ini untuk terus bergiat di dalam "public job".

Pelajaran adalah satu angkubah sosio-budaya yang amat penting bagi membolehkan seseorang itu bertindak secara rasional dalam "decision making". Di samping itu pelajaran juga dapat mendedahkan diri ke alam yang lebih luas misalnya mengikuti perkembangan yang berlaku di sekeliling dan dalam masa yang sama juga ianya merupakan sumber-sumber pengetahuan (information) serta "attitude change". Di sini Ray A. Killian menegaskan betapa pentingnya faktor pelajaran,

¹⁷ Ray A. Killian; The Working Woman - A Role Reassessing, United States of America, 1973, Hal. 101.

"Education turns out to be a factor in determiningly how likely a women is to seek a job. Regards of income, women who is well educated is more likely to work than one who is not."¹⁷

Berhubung dengan soal pelajaran yang berdasarkan kajian pengkaji, kira-kira 27% daripada responden yang mendapat pelajaran formal di sekolah-sekolah aliran Melayu dan 23% dari sekolah aliran Inggeris.

Selain dari itu tingkat pencapaian pelajaran yang paling tinggi ialah di peringkat ijazah iaitu sebanyak 8% dari golongan yang sudah berumahtangga dan 4% dari mereka yang belum berumahtangga. Ini menunjukkan sebilangan kecil sahaja yang mencapai ke taraf tersebut. 4% yang sudah berumahtangga itu adalah mereka yang berumur dalam lingkungan 30 - 34 tahun. Begitu juga bilangan responden yang hanya tamat taraf pendidikan setakat lulus Sijil Rendah Pelajaran adalah kecil sahaja bilangannya iaitu cuma 12% dan ini cuma terdapat pada responden yang sudah berumahtangga sahaja. Ini sesuai dengan nilai majoriti masyarakat masa kini, yang mengharapkan seseorang wanita itu mendapat pelajaran paling rendahnya ialah di peringkat Sijil Rendah Pelajaran. Mereka yang dimasukkan ke dalam kategori ini adalah kaum wanita yang sudah meningkat umur 30 tahun ke atas. Begitu juga dari segi tempoh perkhidmatan, galongan

¹⁷ Ray A. Killian; The Working Women - A Male Manager's, United State of America, 1971. Hal 168.

ini telah menceburkan diri dalam bidang pekerjaan di sektor awam ini lebih daripada 10 tahun. Oleh yang demikian, bidang-bidang yang mereka ceburi itu adalah berdasarkan kelulusan yang mereka terima.

Manakala sebanyak 72% bagi responden yang berumah-tangga dan 64% mereka yang masih bujang mencapai pelajaran setakat M.C.E./S.P.M. sahaja, dan bilangan ini adalah yang paling tinggi peratusnya kerana ada faktor-faktor yang menyebabkan mereka tidak dapat meneruskan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Misalnya ada responden yang mengatakan keluarga tidak mampu lantas mereka memohon apa juar kerja yang mereka perolehi. Untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi berhubung dengan tingkat pencapaian pelajaran responden yang telah ditemui, sila lihat jadual berikut:-

JADUAL 3

TARAF PENDIDIKAN

TARAF PELAJARAN	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
L.C.E./S.R.P.	3	12	0	0
M.C.E./S.P.M.	18	72	16	64
S.P.V.M.	0	0	2	8
H.S.C./S.T.P.	1	4	3	12
DIPLOMA	1	4	3	12
IJAZAH	2	8	1	4
JUMLAH	25	100	25	100

Dari jadual di atas ini didapati bilangan golongan yang sudah berumahtangga dan bujang mencapai taraf S.P.M./M.C.E. adalah tidak jauh bezanya. Ini bersetujuan dengan keadaan sekarang yang mana kebanyakan peluang pekerjaan adalah mengutamakan kelayakan sekurang-kurangnya di peringkat ini. Namun demikian, tidak dinafikan bahawa kelulusan S.R.P./L.C.E. masih lagi dinilai-kan dalam jawatan-jawatan yang tertentu.

Seterusnya kita beralih pula kepada beberapa faktor yang menyebabkan mengapa bilangan besar responden (94%) iaitu dari 50 responden tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka terus ke peringkat ijazah yang mana golongan ini adalah minoriti sahaja. (6%).

Kegagalan responden untuk melanjutkan pengajian mereka adalah di atas sebab-sebab tertentu. Berbagai-bagai alasan yang telah diberikan oleh responden tentang kenapa mereka berhenti sekolah. Misalnya 40% yang mengatakan mereka berhenti kerana tidak lulus, 22% pula mengatakan mereka tidak mampu, 9% memberikan sebab-sebab malas, 4% memberikan sebab-sebab peribadi dan ada juga responden yang hanya mendiamkan diri tanpa memberi sebabnya, atau mereka hanya menggelengkan kepala sahaja tanda tidak tahu. Jawapan yang diterima dalam bentuk ini ialah sebanyak 5%. Dengan melihat kepada jadual 4 nanti, kita dapat membuat perbandingan yang jelas di antara sebab-sebab yang diberi oleh golongan yang berumahtangga dengan yang masih bujang.

Golongan yang tidak lulus, memberi pengakuan bahawa mereka sudah beberapa kali mengambil peperiksaan, tetapi berakhir dengan kegagalan. Oleh yang demikian, membuatkan mereka jemu dengan buku-buku pelajaran dan cuba mengalih perhatian ke dalam bidang pekerjaan. Sungguhpun begitu mereka akan berusaha juga bila minat untuk belajar timbul kembali. Namun ada yang terus berputus asa dan ingin meninggalkan terus bidang pelajaran dengan alasan yang mereka sudah "malas". Walau bagaimapun secara keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa kebanyakkan mereka berhenti meneruskan pelajaran adalah secara tanpa kerana kerana tidak lulus.

Di samping itu terdapat juga golongan yang terpaksa atau terhalang persekolahan mereka disebabkan oleh faktor kewangan keluarga. Sungguhpun mereka gagal, tetapi tidak bermakna keinginan untuk meneruskan pelajaran turut terkubur begitu sahaja, tetapi oleh kerana keluarga miskin dan tidak mampu maka mereka terpaksa menerima kenyataan tersebut, lantas jalan yang senang ialah dengan cara berhenti dari alam persekolahan. Golongan ini adalah terdiri dari keluarga yang berpendapatan rendah dan mempunyai saiz famili yang besar. Jadual 4 menunjukkan sebab-sebab atau faktor responden berhenti sekolah.

JADUAL 4

SEBAB-SEBAB RESPONDEN BERHENTI SEKOLAH

SEBAB-SEBAB	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
TIDAK LULUS	6	24	4	16
TIDAK MAMPU	10	40	12	48
LAIN-LAIN SEBAB:-				
i) MALAS	4	16	5	20
ii) PERIBADI	2	8	2	8
iii) TIDAK TAHU	3	12	2	8
JUMLAH	25	100	25	100

Lazimnya golongan yang tidak mampu untuk meneruskan pelajaran mereka adalah terdiri dari keluarga yang berkeluarga besar dan jumlah bilangan adik-beradik yang ramai iaitu di antara 4 hingga 13 orang. Di samping itu, ibu bapa mereka sudah tua dan berumur dalam lingkungan antara 50 hingga 65 tahun; dan ada juga responden yang ditemui tidak lagi mempunyai bapa malah kedua-duanya sekali. Bagi golongan mereka yang datang dari luar bandar, kebanyakannya keluarga mereka adalah terdiri dari keluarga petani. Sebagaimana yang kita maklumi bahawa kehidupan keluarga petani adalah bersifat sara diri dan keseluruhannya pendapatan mereka berada di paras garis

kemiskinan yakni antara \$100 - \$200 sebulan.¹⁸

Dari kajian ini terdapat bilangan terbesar, kira-kira 30% adalah keluarga yang mempunyai saiz keluarga di antara 7 hingga 8 orang anak. Saiz keluarga yang sedemikian adalah terlalu besar bagi golongan tersebut. Untuk melihat perbandingan yang jelas terhadap bilangan ahli dalam satu-satu keluarga, iaitu di antara golongan yang sudah berumahtangga dan yang belum, sila rujuk jadual 5.

JADUAL 5

SAIZ KELUARGA RESPONDEN

BILANGAN ADIK-BERADIK	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
1 - 2				
3 - 4	1	4	2	8
5 - 6	4	16	6	24
7 - 8	8	32	7	28
9 - 10	6	24	5	20
11 - 12	3	12	4	16
13 +	3	12	1	4
JUMLAH	25	100	25	100

¹⁸ Akhbar Mingguan Malaysia: 3 Oktober 1982. Hal 6.

Berdasarkan faktor ketidakmampuan keluarga inilah maka mereka telah mengambil keputusan untuk berhenti sekolah dan seterusnya bekerja mencari wang bagi menampung perbelanjaan adik-beradik yang masih dibangku sekolah. Boleh dikatakan 83% daripada responden yang ditemui masih menyumbangkan wang pendapatan atau gaji mereka untuk keluarga di kampung. Kebanyakan daripada mereka yang masih menyumbangkan wang gaji mereka adalah dari golongan wanita yang belum berumahtangga. Bagi mereka yang telah berumahtangga dan mempunyai anak, cuma kira-kira 5% sahaja yang masih terus membantu keluarga dan adik-beradik di kampung; dan yang selebihnya cuma memberi wang atau lain-lain bentuk barang hanya ketika mereka pulang ke kampung atau apabila menjelang hari raya sahaja. Mengikut golongan ini, pendapatan yang mereka perolehi tidak mencukupi untuk dihantar ke kampung pada setiap bulan kerana memandangkan bilangan anak yang harus ditanggung dan juga kerana keadaan kos kehidupan di bandar ini yang serba tinggi.

Hasil dari kajian yang telah dijalankan, pada keseluruhannya peratus yang paling besar dalam memberi sumbangan wang ke kampung pada tiap-tiap bulan adalah daripada golongan yang masih belum berumahtangga iaitu sebanyak 68%, manakala yang tidak menghantar wang pada tiap-tiap bulan adalah kecil sahaja peratusnya iaitu cuma 16%. Keadaan ini berbeza dengan golongan yang sudah berumahtangga. Peratus yang paling besar (60%) adalah golongan yang cuma memberi sumbangan ke kampung hanya apabila mereka pulang ke kampung atau apabila menjelang hari raya. Ini adalah kerana ada

beberapa faktor yang menghadkan golongan yang telah berumahtangga ini untuk terus menghantar dan membantu keluarga di kampung. Untuk melihat dengan lebih jelas mengenai kekerapan responden menghantar wang ke kampung, sila lihat jadual berikut:-

JADUAL 6

KEKERAPAN RESPONDEN MENGHANTAR WANG KE KAMPUNG

KEKERAPAN	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
TIAP-TIAP BULAN	5	20	17	68
KETIKA PULANG DAN BERHARI RAYA	15	60	4	16
TIDAK HANTAR	5	20	4	16
JUMLAH	25	100	25	100

3.2 FAKTOR YANG MENDORONG PENGLIBATAN WANITA DALAM PEKERJAAN

Dari kajian yang dilakukan ke atas 50 responden iaitu mewakili golongan wanita yang belum berumahtangga dan golongan yang sudah berumahtangga, didapati faktor-faktor yang mendorong mereka melibatkan diri ke dalam sektor awam adalah hampir sama. Di sini pengkaji cuba memberikan beberapa faktor yang mendorong untuk mereka ke arah penglibatan di bidang-bidang tersebut.

Faktor pelajaran adalah faktor yang terpenting di antara lain-lain faktor untuk mendorong mereka mengubah sikap terhadap bidang ekonomi. Wanita-wanita Melayu yang menerima pelajaran menerusi sistem persekolahan baik yang menerima pelajaran di peringkat menengah rendah mahupun yang menerima pelajaran tinggi, telah diberi peluang bagi mendapatkan pekerjaan mengikut taraf persekolahan dan kelayakan mereka. Dengan cara demikian, mereka berlumba-lumba untuk mencari pekerjaan setaraf dengan kelulusan yang mereka perolehi itu. Tambahan pula pendapatan yang diperolehi dari pekerjaan yang mereka pegang itu memuaskan mereka untuk mencari pekerjaan. Ini membuktikan faktor pelajaran dan pendapatan yang lumayan yang mereka terima mendorongkan mereka untuk bekerja. Ada juga responden yang berpendapat bahawa kalau ibu bapa memberikan pelajaran yang sempurna kepada anak-anak, maka sudah tentu harapan orang tua mereka untuk menyuruh mereka bekerja. Selain daripada itu, ada juga pendapat yang mengatakan amatlah rugi jika seseorang itu mempunyai pelajaran tetapi tidak mahu bekerja. Ini jelas dari kajian yang diperolehi, peratus yang besar (30%) adalah golongan yang berpendapat bahawa faktor pelajaran adalah penting bagi mendorong seseorang itu untuk bekerja di samping faktor-faktor lain. Keadaan yang sedemikian telah menguatkan lagi pendapat Ray A. Killian¹⁹ terhadap sebab-sebab wanita itu ingin bekerja.

¹⁹Opcit, Ray A. Killian. Hal 168.

Selain daripada faktor pelajaran, keadaan masa dan kedudukan ekonomi juga telah menggalakkan wanita untuk bekerja. Di samping dapat membantu menambahkan pendapatan dalam keluarga, kaum wanita bekerja juga dapat meringankan beban perbelanjaan dalam rumah tangga, malah sekurang-kurangnya akan dapat mengatasi masalah dari segi kewangan keluarga. Dengan itu mereka dapat membantu meninggikan lagi taraf hidup di kalangan mereka. Bagi wanita yang masih belum berkeluarga, pendapatan dari pekerjaan mereka sekurang-kurangnya dapat meringankan beban orang tua mereka, serta dapat sedikit sebanyak menyumbangkan bakti mereka terhadap orang tua mereka. Faktor yang begini juga pernah disarankan oleh James A. Sweet, yang bermaksud,

"Lebih kuat tekanan ekonomi sesebuah keluarga, lebih besar kemungkinan seorang wanita itu akan bekerja."²⁰

Selain dari perbelanjaan yang dinyatakan di atas, mereka juga ingin mempunyai barang-barang mewah. Jadi sekiranya suami mereka berpendapatan rendah, sudah tentu mereka tidak berpeluang untuk memiliki barang-barang yang menjadi idaman bagi setiap wanita pada hari ini, terutamanya bagi mereka yang tinggal di bandar besar seperti Kuala Lumpur ini, di mana persaingan hebat terhadap barang-barang moden adalah amat ketara sekali.

²⁰ James A. Sweet; The Employment of Rural Wives, Rural Sociology, Volume 37, No. 4, December 1972. Hal 554.

Hasil kajian yang diperolehi, 18% daripada golongan wanita yang bekerja adalah didesak kerana keadaan ekonomi pada masa sekarang. Walaupun begitu, mereka tidak menafikan bahawa terdapat faktor-faktor lain yang mendorong mereka untuk bekerja.

Selain daripada faktor-faktor di atas, terdapat pula faktor untuk berdikari. Sebanyak 16% responden telah menyetujui terhadap sikap ingin berdikari dan harus dijadikan sikap yang perlu diamalkan di samping memberi suatu bentuk jaminan hidup di hari depan sekiranya berlaku sesuatu kemungkinan ke atas dirinya. Sepertimana pendapat Rahmah Saad yang berbunyi,

"Wanita yang tidak bekerja, tidak boleh menjamin kedudukan mereka sebagai isteri kalau diceraikan, melainkan kembali ke pangkuhan keluarga untuk meminta bantuan menyara anak yang ramai, tapi bagi wanita yang bekerja pula, cukuplah dengan pendapatan yang mereka terima untuk membesar-kan anak-anak."²¹

Di samping ingin berdikari, mereka merasakan amat "terkongkong" sekiranya terlalu bergantung kepada pendapatan suami bagi yang telah berumah tangga, apabila kehendak-kehendak mereka tidak dapat dicapai dengan usaha sendiri. Oleh yang demikian, mereka berpendapat bahawa dengan adanya pelajaran lantaran menjawat jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan, maka adalah lebih baik

²¹ Rahmah Saad; MASTIKA; "Apakah Perjuangan Wanita Menindas Wanita". Diterbitkan oleh Utusan Melayu (M) Bhd., Kuala Lumpur. Disember, 1975. Hal 40.

mereka ini terus melibatkan diri dalam bidang pekerjaan.

Dalam hal ini, Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Aishah Ghani telah memberi penilaian terhadap wanita yang bekerja adalah amat menggalakkan di mana mengikut beliau,

"Bahawa seseorang wanita yang ideal ialah seorang wanita yang dapat menyempurnakan tanggungjawab rumah tangga dan kerja-kerja di pejabatnya. Dengan pelajaran tinggi yang dimilikinya dan pengalaman yang telah dilaluinya, dia dapat menguruskan rumah tangga dengan lebih teratur."²²

Dari kajian yang telah dijalankan, walaupun terdapat suami mereka menerima pendapatan yang lumayan, namun demikian, mereka tetap ingin mempunyai pendapatan yang mereka perolehi dari Pekerjaan yang mereka lakukan sendiri. Contohnya dari 25 responden yang telah berumah tangga, 10% responden yang dikaji itu adalah isteri-isteri pegawai yang berpendapatan tinggi, bermakna pendapatan mereka melebihi daripada yang mencukupi untuk menampung keluarga mereka, tetapi isteri-isteri tersebut (responden) masih lagi bekerja misalnya sebagai P.T.D. (Pegawai Tadbir dan Diplomatik), Kerani, Jurutaip dan Operator. Responden-responden tersebut merasakan perlu menerima pendapatan hasil dari pekerjaan mereka di samping menerima pendapatan yang diberi oleh suami mereka.

²² Ibid: Rahmah Saad. Hal 40.

Faktor lain yang mendorong kaum wanita untuk menceburkan diri dalam bidang pekerjaan ialah untuk membantu keluarga dan adik-beradik di kampung terutamanya bagi responden yang belum berumahtangga dan mempunyai adik-beradik yang ramai. Sepertimana yang telah dijelaskan di awal-awal tadi bahawa peratus besar daripada responden adalah datang dari desa yang mana ibu bapa mereka terdiri dari petani. Oleh hal yang demikian, masalah kewangan sering melanda mereka. Namun demikian beban yang mereka tanggung ini dapat dikurangkan apabila ada anak-anak mereka yang bekerja. Keadaan ini jelas terdapat dalam jadual 6 di mana pengkaji mencatitkan kekerapan responden menghantar wang kepada keluarga ke kampung masing-masing.

Minat untuk bekerja juga telah menjadi satu dorongan kepada kaum wanita untuk bergiat di lapangan pekerjaan. Di zaman sekarang, dengan berlakunya perubahan-perubahan dalam masyarakat baik dalam bidang politik, ekonomi dan sosial telah juga mengubah kedudukan dan peranan yang dimainkan oleh kaum wanita. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat itu telah menyedarkan kaum wanita tentang hak-hak mereka khususnya bidang pekerjaan dan juga telah menambahkan minat wanita untuk menceburkan diri dalam bidang pekerjaan. Sebanyak 12% daripada responden yang ditemui menyatakan mereka bekerja atas dorongan minat yang telah disemai sejak di bangku sekolah lagi.

Laws telah menyarankan bahawa,

".....husband's earnings is a definite predictor as to whether a wife is employed; the lower the husband's earnings, the more likely it is that the wife will be employed."²³

Saranan ini memang tidak dapat dinafikan kerana kebanyakannya isteri-isteri yang bekerja adalah dari keluarga yang suaminya berpendapatan rendah akan tetapi seperti yang dijelaskan terdapat juga suami yang berpendapatan melebihi \$1,000/- yang mana isteri-isterinya masih lagi bekerja. Keadaan ini berlaku adalah kerana mereka berminat dan merasa bosan sekiranya menumpukan sepenuh masa terhadap kerja-kerja rumah. Bagi golongan wanita yang belum berumahtangga juga merasakan bahawa minat untuk bekerja menjadi faktor dorongan untuk mereka mencari pekerjaan.

Pada keseluruhan responden yang ditemui, sebanyak 64% adalah golongan wanita yang ingin terus bekerja sampai umur yang telah ditetapkan oleh Kerajaan untuk bersara. Di dalam sektor awam, umur yang telah ditetapkan untuk bersara bagi kaum wanita ialah 45 tahun, manakala untuk kaum lelaki ialah 55 tahun. Untuk melihat perbandingan mengenai keinginan wanita yang telah dan belum berumahtangga terhadap jangkamasa yang mereka ingin ceburi dalam bidang pekerjaan, sila rujuk Jadual 7.

²³ Laws, Judith Long; The Second X: Sex Role and Social Role, Elseview, North Holland, Inc., New York. 1975. Hal 17

JADUAL 7

TEMPOH MASA UNTUK BEKERJA

TEMPOH BEKERJA	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
HINGGA BERSARA	15	60	17	68
SEMENTARA	8	32	5	20
TIDAK TAHU	2	8	3	12
JUMLAH	25	100	25	100

Dari jadual di atas jelas menunjukkan bilangan terbesar dari kedua-dua golongan ialah untuk bekerja sampai ke peringkat yang sepatutnya bersara iaitu 60% dan 68%. Di samping itu terdapat faktor-faktor lain yang mendorong mereka bekerja hingga ke peringkat ini, misalnya mengikut responden apabila seseorang kakitangan Kerajaan yang telah berkhidmat lebih dari 10 tahun dan telah disahkan jawatannya maka ia akan mendapat pencen. Oleh kerana memikirkan hal inilah telah menambahkan minat mereka untuk terus bekerja.

Cuma 14% daripada responden yang memberi jawapan tidak tahu, ini terutamanya dari responden-responden yang belum berkahwin. Golongan ini berpendapat demikian kerana mereka belum terikat dalam soal-soal yang berhubung dengan suami atau rumah tangga, maka soal untuk berhenti kerja belum difikirkan lagi. Buat masa sekarang

minat untuk bekerja masih lagi menebal pada diri mereka.

Di samping itu pula, dasar Kerajaan dalam menambahkan tenaga kerja dalam pelbagai bidang pekerjaan di waktu akhir-akhir ini telah menambahkan minat dan menarik lebih ramai lagi kaum wanita untuk melibatkan diri dalam lapangan pekerjaan. Dasar Kerajaan adalah untuk meningkatkan tenaga pengeluaran di kalangan kaum wanita. Peluang-peluang pekerjaan ini tidak terbatas pada sektor Kerajaan sahaja, malah di dalam sektor swasta. Ini bererti dorongan untuk menggalakkan kaum wanita terus bergiat dalam lapangan pekerjaan amatlah luas.

Untuk menjelaskan keseluruhan faktor-faktor yang mendorong bagi wanita untuk menceburkan diri dalam lapangan pekerjaan, sila lihat jadual 8.

JADUAL 8

FAKTOR YANG MENDORONG RESPONDEN BEKERJA

FAKTOR PENDORONG	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
PENDIDIKAN	6	24	10	40
BANTU KELUARGA	7	28	5	20
EKONOMI	5	20	3	12
BERDIKARI	4	16	4	16
MINAT	3	12	3	12
JUMLAH	25	100	25	100

Di samping faktor-faktor di atas, terdapat juga lain-lain faktor pendorong kepada penglibatan wanita dalam pekerjaan, misalnya adat yang tidak membelenggukan wanita untuk keluar bekerja. Kebebasan yang terdapat oleh kaum wanita untuk keluar dari rumah telah dipergunakan dengan seluas-luasnya untuk mencari pekerjaan. Tambahan pula kerja bagi mereka tidak terhad sebagaimana di zaman dahulu. Kerajaan telah memberi peluang kepada kaum wanita untuk mendapatkan pekerjaan seperti kerja-kerja yang dulunya dilakukan oleh kaum lelaki sahaja misalnya polis, pegawai, operator telefon dan sebagainya. Tetapi keadaan sekarang adalah berbeza di mana wanita bebas untuk memilih pekerjaan mereka sendiri bersetujuan dengan kelayakan yang mereka miliki.

Demikianlah faktor-faktor yang mendorong bagi kaum wanita untuk melibatkan diri di bidang ekonomi dan jumlah bilangan kaum wanita yang melibatkan diri itu telah bertambah dari semasa ke semasa sebagai membuktikan wujudnya perubahan yang berlaku di bidang tersebut. Penambahan bilangan wanita-wanita yang melibatkan diri di bidang ekonomi dapat dilihat dari kajian yang dilakukan oleh Dr. (Mrs.) Puthucheary tentang wanita dengan pekerjaan seperti berikut,

".....the numbers of women in the labour force had increased two and a half times since 1957, whereas the number of men in the labour force increased only one and a half times....."²⁴

²⁴ Dr. (Mrs.) Puthucheary: Woman In Employment.
Kertas Seminar 1975.

4.1

SIKAP WANITA TERHADAP PEKERJAAN

Hengkaji tentang sikap pekerja terhadap pekerjaannya bererti bahawa mengetahui suatu pendekatan yang dibuat oleh pekerja itu terhadap pekerjaannya baik terhadap pekerjaan di dalam rumah tangga mahupun di luar rumah tangga. Dari hakikat itu pula menunjukkan bahawa pekerja-pekerja itu mempunyai nilai-nilai dan pandangan-pandangan tertentu terhadap pekerjaannya. Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin melihat sejauhmana wanita-wanita yang ditemubual mempunyai sikap berpuas hati dan sebaliknya terhadap kedudukan mereka sekarang.

Mengikut kajian yang telah dijalankan, didapati 44% dari golongan responden yang telah berumah tangga memberikan sikap puas hati dengan pekerjaan sekarang kerana ia dapat menghilangkan rasa bosan apabila tinggal di rumah sehari-harian. Dari 44% ini, sebanyak 6% memberikan alasan bahawa selain dari bosan tinggal di rumah seharian, mereka juga berpuas hati dengan jawatan sekarang iaitu sebagai kerani adalah kerana mereka tidak mahu setaraf dengan suaminya yang menjawat jawatan pegawai. Pada pendapat mereka lagi, biarlah kedudukan wanita itu lebih rendah dari golongan lelaki supaya wanita itu senantiasa bersikap rendah diri dan sering menghormati suami. Ini bukan sahaja untuk kepentingan diri mereka sahaja, bahkan demi kepentingan kerukunan dan kesejahteraan rumah tangga.

Manakala golongan yang masih belum berumahtangga yang menunjukkan sikap puas hati terhadap pekerjaan sekarang ialah rendah dari golongan yang telah berumahtangga. Bilangannya cuma 24% sahaja berbanding dengan 44% dari golongan yang telah berumahtangga. Alasan yang diberikan oleh golongan ini ialah mereka berpuas hati dengan pekerjaan sekarang kerana pendapatan yang diterima sudah mencukupi untuk menampung diri sendiri dan sedikit keperluan keluarga mereka yang berada di kampung. Tambah mereka lagi, pekerjaan yang mereka pegang sekarang adalah bersesuaian dengan kelayakan yang mereka perolehi. Oleh itu mereka merasakan sudah memadai dengan pekerjaan yang ada sekarang ini.

Walau bagaimanapun terdapat sebanyak 20% dari responden yang telah berumahtangga dan 28% dari responden yang belum berumahtangga memberikan jawapan bahawa mereka terpaksa meneruskan pekerjaan yang ada sekarang. Dengan kata lain, jawapan yang diterima itu boleh digolongkan ke dalam kategori "terpaksa". Menurut golongan responden yang belum berumahtangga ini, mereka terpaksa meneruskan jawatan yang dipegang sekarang sementara menanti peluang yang lebih baik. Ini bererti golongan yang bersikap demikian mempunyai keinginan untuk memperbaiki lagi kedudukan mereka dengan berbagai-bagai cara. Misalnya dengan mengambil peperiksaan ataupun dengan cara memohon kerja-kerja lain yang dianggap bersesuaian dengan kelayakan mereka.²⁵ Ini adalah kerana ada beberapa

²⁵ Bab 3: Taraf Pendidikan Responden. Jadual 3.
Hal 38.

responden yang ditemui mempunyai kelayakan yang lebih baik dari pada jawatan yang sepatut didudukinya. Keadaan ini berlaku kerana pada zaman ini, memang sukar untuk mendapatkan satu-satu pekerjaan sesuai dengan kemampuan seseorang kerana persaingan yang hebat. Oleh itu pada pendapat mereka, daripada duduk di rumah sebagai penganggur adalah lebih baik meneruskan pekerjaan yang ada sekarang, walaupun dengan cara terpaksa.

Bagi golongan yang sudah berumahtangga, mereka memberi jawapan "terpaksa" meneruskan pekerjaannya sekarang adalah kerana kedudukan ekonominya yang dikatakan kurang kukuh. Ini adalah kerana kos kehidupan di bandar seperti Kuala Lumpur ini memerlukan wang dalam serba-serbi. Tambahan pula mereka terpaksa membiayai perbelanjaan anak-anak demi membantu pendapatan suami yang tidak mempunyai pendapatan yang cukup. Keadaan ini berbeza dengan golongan yang belum berumahtangga kerana mereka belum mempunyai keluarga sendiri kecuali membantu keluarga di kampung. Oleh itu keadaan ekonomi bagi golongan yang sudah berumahtangga menyebabkan mereka terpaksa meneruskan pekerjaan mereka sekarang.

Selain dari jawapan seperti di atas, ada juga responden memberi sikap yang membosankan terhadap pekerjaannya. Misalnya terdapat sebanyak 12% dari golongan yang telah berumahtangga mempunyai sikap tersebut. Kadar peratus yang lebih tinggi terhadap sikap ini telah ditunjukkan oleh golongan yang belum berumahtangga. Bilangannya adalah sebanyak 20%. Salah satu sebab yang diberikan

oleh golongan pertama tadi terhadap sikap bosan terhadap pekerjaan mereka itu adalah dikaitkan dengan tempoh masa perkhidmatan mereka. Mengikut mereka, kerja yang sama telah dilakukan semenjak mereka mula bekerja lagi, oleh itu menimbulkan rasa bosan dan menjemuhan. Kalau boleh mereka mahu bertukar ke bahagian lain pula tetapi ini adalah di luar kemampuan mereka. Jadi sikap bosan yang timbul di kalangan responden yang sudah berumahtangga itu adalah kerana menjalankan tugas yang sama dalam jangkamasa yang agak panjang.

Sebaliknya bagi golongan responden yang belum berumah-tangga, sikap bosan terhadap pekerjaan sekarang ialah disebabkan pekerjaan yang mereka lakukan sekarang khususnya di kalangan jurutaipl. Mengikut mereka kadar pekerjaan mereka adalah tidak seimbang atau "constant" pada setiap masa. Kadang-kadang terlalu banyak dan harus dibereskan dengan segera dan kadang-kadang tidak ada. Keadaan yang demikian menyebabkan mereka mempunyai sikap yang membosankan terhadap pekerjaan itu. Namun demikian ini tidak bermakna mereka hendak berhenti dari jawatan sekarang. Untuk menjelaskan lagi bagaimana sikap wanita-wanita ini terhadap pekerjaan, sila rujuk Jadual 9.

JADUAL 9

SIKAP RESPONDEN TERHADAP PEKERJAAN SEKARANG

KEADAAN SIKAP	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
MEMUASKAN	11	44	6	24
SEDERHANA	2	8	5	20
MEMBOSANKAN	3	12	5	20
TERPAKSA	5	20	7	28
TIDAK TAHU	4	16	2	8
JUMLAH	25	100	25	100

Berlandaskan kepada alasan-alasan yang telah diberikan oleh responden terhadap pekerjaan mereka sekarang, jelas menunjukkan bahawa sikap mereka terhadap bidang pekerjaan amat dipentingkan dan ini tidaklah bermakna mereka akan mengabaikan pula tugas-tugas di rumah. Keadaan ini dapat dijelaskan apabila pengkaji menghuraikan peranan dan hubungan responden dengan keluarga mereka di bawah.

4.2

HUBUNGAN DAN PERGAULAN RESPONDEN DI TEMPAT KERJA

Dalam konteks studi ini, hubungan kawam sekerja lebih tertumpu semasa di pejabat sahaja. Hubungan di antara mereka amat terhad kerana dibatasi oleh keadaan tempat kerja dan tugas-tugas

yang harus dijalankan oleh mereka sendiri. Oleh kerana keadaan yang demikian, sebilangan besar daripada mereka (68%) mengatakan mereka tidak mengenali keseluruhan pekerja-pekerja di situ. Mengikut mereka, kawan-kawan yang mereka lebih kenali itu merupakan kawan-kawan yang sama bahagian kerja dengan mereka. Misalnya pekerja di Bahagian Perkhidmatan hanya mempunyai hubungan yang rapat dengan kawan-kawan di bahagian yang sama. Begitu juga responden-responden yang ditemui di Bahagian Pengambilan dan sebagainya. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa antara pekerja-pekerja itu saling kenal mengenali di antara satu sama lain, tetapi dalam konteks ini juga perhubungan mereka adalah amat terbatas.

Di samping itu pula terdapat pekerja-pekerja yang lebih suka bergaul bersama-sama kawan-kawan yang setaraf dengan mereka. Misalnya golongan yang telah berumahtangga hanya bergaul rapat dengan mereka yang sudah berumahtangga sahaja. Ini adalah berkemungkinan mereka dapat membincangkan apa-apa masalah yang bersangkut-paut dengan hal ehwal rumah tangga. Begitu juga dengan golongan mereka yang belum berumahtangga, hanya menjadi rapat dan mesra dengan golongan yang belum berumahtangga sahaja. Misalnya apabila keluar untuk makan, mereka akan pergi bersama-sama rakan yang setaraf dengan mereka sahaja. Begitu juga apabila hendak pergi membeli-belah sama ada di hujung-hujung bulan ataupun ketika waktu rehat yang agak panjang, terutamanya pada hari Jumaat. Golongan ini merasai amat mudah dan lebih mesra apabila bergaul dengan rakan-rakan yang setaraf. Namun begitu terdapat juga responden-responden yang luas

pergaulannya tanpa mengira sama ada sudah berumahtangga ataupun belum. Gambaran yang jelas dapat dilihat dalam jadual 10. nisan di tempat kerja; tetapi sebaliknya keadaan tempat kerja, jenis perkerjaan, tempat anak dan **JADUAL 10**

CORAK PERGAULAN RESPONDEN DI TEMPAT KERJA

tidak dapat dinasikan bahawa dengan adanya peraturan yang berkaitan sosial, maka selain perbandingan biasa mereka untuk mendekati lebih dekat di antara mereka sendiri.

CORAK PERGAULAN	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
SETARAF	15	60	17	68
TIDAK SETARAF	10	40	8	32
JUMLAH	25	100	25	100

Peranan tertentu yang wajib dilaksanakan mengikut peraturan-

peraturan yang telah ditetapkan. Jadi dalam konteks ini, pengajian

tujuh melihat bagaimana corak hubungan di antara pegawai dan kakitangan

golongan yang hanya bergaul rapat dengan rakan yang setaraf ialah mereka yang biasa berada di pejabat atau di luar pejabat kecuali yang di dalamnya. Ini adalah kerana terdapat ketakutan dari golongan yang belum berumahtangga. Bilangan yang terlibat adalah sebanyak 68% berbanding dengan golongan yang sudah berumah-batuan tertentu di dalamnya itu, maka hubungan berantau dan tangga iaitu cuma 60%. Dari sini jelaslah kepada kita bahawa per-

lakuan sanggupnya mungkin menjadi berbahaya dengan akibatnya hubungan yang lebih mesra wujud disebabkan kedudukan seseorang yang

sama taraf iaitu dalam konteks ini bermaksud taraf sama ada sudah

berkahwin ataupun belum; dan bukannya taraf kedudukan yang dipegang hubungan dengan jelas iaitu adalah lebih muda jika dibandingkan dengan dalam satu-satu jawatan.

Sebagaimana pokok bahasan ini berlaku

Walau bagaimanapun faktor di atas semata-mata menjadi batasan bagi mempengaruhi corak dan bentuk pergaulan responden di tempat kerja; tetapi sebaliknya keadaan tempat kerja, jenis pekerjaan, tempat asal dan kedudukannya di dalam satu-satu jawatan turut mempengaruhi corak pergaulan responden. Namun demikian tidak dapat dinafikan bahawa dengan adanya persatuan yang berbentuk sosial, maka telah memberi peluang bagi mereka untuk mengenali lebih dekat di antara satu sama lain.²⁶

4.3 HUBUNGAN PEGAWAI DENGAN KAKITANGANNYA

Di dalam sesebuah organisasi baik swasta maupun di sektor Kerajaan, setiap individu itu mempunyai tanggungjawab dan peranan tertentu yang mesti diselaraskan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Jadi dalam konteks ini, pengkaji cuba melihat bagaimana corak hubungan di antara pegawai dan kakitangannya baik di masa pejabat atau di luar pejabat khususnya di waktu rehat dan sebagainya. Ini adalah kerana terdapat batasan-batasan tertentu di dalam pekerjaan itu, maka hubungan pegawai dan kakitangannya mungkin menjadi bertambah renggang atau sebaliknya.

Bagi pekerja-pekerja wanita yang sudah berumahtangga, hubungan dengan pegawai adalah lebih mesra jika dibandingkan dengan pekerja-pekerja yang belum berumahtangga. Keadaan ini berlaku

²⁶ Bab 5. Hal 80 - 85.

adalah disebabkan perbezaan umur di antara pegawai dengan mereka yang berumahtangga. Pekerja-pekerja ini hanya berhubung dengan soal-soal urusan pejabat sahaja. Sekiranya terdapat masalah mengenai soal-soal kerja, maka pegawai yang bertugas itu akan membantu pekerja-pekerja itu dengan cara yang baik. Keadaan ini lama kelamaan akan mewujudkan suatu hubungan yang bertimbali-balik kerana ia bukan sahaja memberi faedah kepada individu itu untuk memperbaiki pekerjaan yang dilakukan oleh mereka itu, malah dapat mempertingkatkan lagi mutu dan kecekapan bekerja.

Di samping pekerja-pekerja itu berhubung dengan pegawai di atas urusan-urusan pejabat, ada juga responden-responden yang berbincang dengan pegawai-pegawai untuk menyelesaikan masalah di luar pejabat. Dalam konteks ini, golongan yang sering meminta bantuan pendapat dalam menyelesaikan masalah ialah dari golongan yang sudah berumahtangga. Kemungkinan hubungan yang rapat begini adalah disebabkan faktor umur kerana perbezaan umur yang jauh sukar merapatkan hubungan seseorang. Namun demikian tidaklah bererti bahawa terdapatnya jurang perhubungan di antara kakitangan yang belum berumahtangga dengan pegawai-pegawainya. Bukti yang nyata ialah ada juga pegawai-pegawai yang menolong kakitangannya misalnya dari segi pengangkutan. Ada beberapa responden yang menumpang kereta pegawai-pegawai sama ada untuk ke pejabat ataupun ketika pulang ke rumah. Ini adalah kerana kedudukan tempat kerja di sini adalah jauh dari pengangkutan awam.

Dari sini dapatlah dirumuskan bahawa hubungan di antara pegawai dengan kakitangannya di tempat pengkaji menjalankan kajian adalah baik kerana tidak terdapat jurang yang begitu ketara di antara pegawai dengan kakitangannya.

4.4 HUBUNGAN WANITA YANG SUDAH BERUMAHTANGGA TERHADAP KELUARGA

Oleh kerana kedua pasangan dalam rumah tangga itu bekerja, maka ia akan memberi kesan ke atas corak pergaulan di dalam keluarga itu sendiri baik antara suami dan isteri, mahupun antara suami, isteri dan anak-anak. Di dalam pergaulan dalam rumah tangga, keadaan suami isteri yang bekerja mempengaruhi pergaulan antara suami isteri dari segi masa untuk kedua-duanya dapat berjumpa, membuat keputusan dalam hal-hal rumah tangga, cara menguruskan perbelanjaan keluarga dan juga layanan terhadap anak-anak.

i) HUBUNGAN RESPONDEN DENGAN SUAMI

Di zaman tradisional seperti yang kita ketahui, peranan suami dan isteri adalah tegas. Suami adalah dianggap ketua keluarga, pencari nafkah serta pelindung kepada anggota familiinya. Sementara itu, isteri pula menumpukan sepenuh perhatian dalam pengurusan rumah tangga, mendidik anak-anak dan melayan suami. Di sini kita dapat perhatikan corak perhubungan suami isteri tradisional yang didepati isteri bertanggungjawab dan bertolak amur akan merantau adalah rapat, mesra dan bergantung di antara satu sama lain. Oleh

itu di sini pengkaji ingin meninjau apakah penduaan peranan wanita akan mengubah bentuk perhubungan responden dengan suaminya.

Dari kajian yang telah dijalankan, didapati kebanyakkan responden (76%) mempunyai masa kerja yang sama dengan suami-nya iaitu bermula jam 8.00 pagi dan balik jam 4.15 petang kecuali bagi responden yang bersuamikan mereka yang bekerja seperti polis ataupun tentera di mana masa untuk bertugas tidak tetap. Dalam masa bekerja yang ditetapkan ini, responden bukan sahaja setakat berpisah dengan suami, malah berpisah dengan anak-anak juga. Jadi kerenggangan yang sementara ini dapat dihubungkan kembali oleh golongan yang bekerja ini apabila mereka pulang dari pejabat dan juga ketika cuti hujung minggu.

Mengikut jawapan yang diterima dari responden (48%) perhubungan erat di antara suami isteri itu adalah kerana anak. Menurutnya lagi apabila pulang sahaja dari pejabat dan sampai ke rumah, mereka (suami isteri) akan bergurau dengan anak-anak dan secara tidak langsung akan menambahkan kemesraan di antara pasangan suami isteri itu. Setelah meluangkan masa terhadap anak-anak itu, barulah responden menjalankan peranannya terhadap tugas-tugas di dalam rumah tangga seperti mengemas rumah, memasak ataupun membasuh. Di samping itu juga, bagi responden yang tidak mempunyai pembantu rumah, tugas-tugas itu dibantu oleh suami. Oleh itu di sini didapati sifat bertanggungjawab dan bertolak ansur akan merapatkan hubungan suami isteri kerana perhubungan yang erat dan mesra itu

bukan sahaja ditentukan oleh masa ketika penglibatan wanita dalam pekerjaan, tetapi ditentukan oleh lain-lain faktor seperti saling menghormati, percaya-mempercayai dan juga kasih-mengasihi di antara satu sama lain. Jadi kerenggangan perhubungan dari segi fizikal dapat dibaiki dengan adanya sifat-sifat kerohanian seperti mana yang diperkatakan di atas.

Seterusnya responden-responden menjelaskan, oleh kerana masa yang terluang untuk melayan suami begitu terhad, maka kesempatan seperti ini akan digunakan sepenuhnya pada cuti hujung minggu ataupun ketika cuti-cutik kelepasan am. Bagi responden ini, hari-hari cuti seperti ini adalah besar maknanya kerana di masa beginilah mereka boleh menumpukan sepenuh masa untuk menjalankan peranan sebagai seorang suri rumah iaitu dengan menjalankan segala urusan rumahtangga dengan sendirinya, jika dibandingkan ketika hari-hari kerja mereka tidak sempat menjalankan tugas seorang suri rumah dengan sepenuh masa.

Di samping itu, terdapat 12% responden yang menyatakan bahawa suami mereka sering juga membawa responden bersiar-siar di hujung minggu. Dengan cara ini akan mengeratkan lagi hubungan di antara suami isteri kerana dengan cara ini dapat menghilangkan rasa penat setelah menjalankan tugas-tugas di pejabat dan juga tugas-tugas di dalam rumahtangga.

Selain daripada faktor-faktor di atas, kita dapat melihat wujudnya sikap bertolak ansur dalam hubungan suami isteri terhadap membuat satu-satu keputusan atau "decision making" yang membuktikan tidak wujud jurang perhubungan suami isteri apabila berlakunya penduaan peranan wanita. Dari kajian yang telah dijalankan, keputusan mengenai persoalan rumah tangga itu bergantung kepada jenis persoalan itu sendiri. Berdasarkan dari jawapan yang diterima, maka iaanya dapat digolongkan kepada dua jenis. Pertama ialah keputusan kepada persoalan-persoalan yang tidak begitu penting atau "minor decision". Jenis keputusan ini pula dapat dibahagikan kepada dua iaitu keputusan yang selalunya dibuat oleh isteri, dan ini termasuklah keputusan dalam perbelanjaan barang-barang dapur, pasar dan pakaiannya dan kedua ialah keputusan yang kadang-kadang dibuat oleh isteri dan kadang-kadang dibuat oleh suami seperti dalam hal menonton, makan di luar, ziarah menziarahi, kiriman wang kepada ibu bapa atau adik beradik dan juga untuk membeli alat-alat rumah.

Keputusan jenis kedua ialah keputusan kepada persoalan-persoalan yang lebih penting dan melibatkan seluruh keluarga atau "major decision". Misalnya dalam hal membeli rumah, membeli kereta, tempat bercuti dan persekolahan anak-anak. Selalu nya keputusan ini dibuat secara rundingan bersama. Untuk melihat sejauhmana hubungan suami isteri dalam membuat satu-satu keputusan di dalam rumah tangga, sila rujuk jadual 11.

JADUAL 11

KEPUTUSAN DALAM URUSAN RUMAHTANGGA

CORAK KEPUTUSAN	KAHWIN	
	Bil. Resp.	%
SUAMI	9	36
ISTERI	6	24
SUAMI DAN ISTERI	10	40
JUMLAH	25	100

Dalam jadual di atas nyatakan bahawa dalam memutuskan soal-soal yang berhubung dengan urusan rumahtangga adalah terletak pada persetujuan bersama, kerana mengikut kepada jawapan yang diberi oleh responden, rundingan bersama itu penting kerana dalam sebuah rumahtangga itu, pendapatan bukan sahaja diterima dari sebelah pihak sahaja iaitu suami, tetapi isteri juga memainkan peranan dari segi kewangan. Oleh itu adalah wajar bagi seorang isteri itu diberi peluang untuk membuat satu-satu keputusan khususnya terhadap hal ehwal rumahtangga. Namun demikian ini tidaklah bermakna suami harus senantiasa berganding bahu dengan isteri dalam membuat satu-satu keputusan. Seandainya ini berlaku maka mengikut responden, taraf seorang suami sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap sebuah keluarga akan hilang dan keadaan ini adalah bertentangan dengan ajaran ugama yang meletakkan seorang suami sebagai ketua

dalam sesebuah rumah tangga. Dalam kajian ini didapati 36% keputusan dalam rumah tangga itu dibuat oleh suami iaitu cuma berbeza 4% dalam membuat keputusan secara rundingan.

Jenis keputusan yang dibuat oleh suami (36%) ini adalah yang berhubung dengan soal-soal "major decision" sepetimana yang telah dihuraikan di awal tadi. Walaupun terdapat keputusan-keputusan terhadap soal-soal yang berhubung dengan urusan rumah-tangga itu kebanyakannya terserah kepada suami semata-mata dan juga rundingan bersama, ini tidak bermakna peranan wanita sebagai isteri yang berhak memutuskan satu-satu persoalan itu langsung hilang. Isteri adalah merupakan orang yang kedua penting dalam menguruskan hal rumah tangga malah penglibatan isteri semata-mata dalam membuat keputusan adalah amat penting dan lebih baik jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Misalnya dalam hal-jal yang berkaitan dengan perbelanjaan dapur didapati adalah lebih wajar keputusan itu diletakkan di bawah tanggungjawab isteri. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan didapati sebanyak 24% isteri yang mempunyai peluang dalam membuat keputusan terhadap urusan rumah tangga mereka.

Pada keseluruhannya, corak membuat satu-satu keputusan atau "decision making" dalam sesebuah keluarga itu adalah tipikal di mana kelihatan unsur-unsur tolak ansur dan persefahaman di antara suami dan isteri. Oleh itu dapatlah kita katakan bahawa penglibatan wanita dalam pekerjaan tidak merenggangkan perhubungan suami isteri sekali-kali kerana apa yang penting dalam mengeratkan

Perhubungan mereka adalah dari segi kerohanian sepertimana yang telah dijelaskan di awal-awalnya.

ii) HUBUNGAN RESPONDEN DENGAN ANAK-ANAK

Setelah kita perhatikan bahawa penduaan peranan wanita tidak merenggangkan perhubungan dengan suami, maka di sini pengkaji ingin melihat bagaimana wanita ini membahagikan masanya di antara tugas-tugas pejabat dengan tugas-tugas rumah tangga khususnya di dalam mendidik anak-anak.

Dengan perubahan peranan wanita di zaman sekarang, yakni penglibatan mereka di dalam pekerjaan di luar rumah maka tugasnya dalam mensosialisasikan anak-anak juga terjejas. Ini adalah kerana masa ianya berhubung dengan anak-anaknya sudah berkurangan. Kalau dahulunya ia mempunyai masa sehari suntuk untuk berada bersama-sama anak-anaknya, tetapi sekarang masanya terpaksa dibahagikan antara tugas di rumah dan tugas di luar rumah. Keadaan ini harus diambil perhatian berat kerana pengaruhnya terhadap perkembangan kanak-kanak mudah berlaku jika dibandingkan dengan corak perhubungan responden dengan suami. Dengan kata lain kanak-kanak mudah mengikuti geraklaku individu yang sering berhubung dengannya. Jadi untuk mengatasi masalah ini, peranan seorang ibu di dalam membentuk peribadi anak-anaknya adalah amat penting sekali. Di dalam kebanyakan rumah tangga (80%) memberitahu bahawa anak-anak mempunyai hubungan yang lebih rapat dan "Personal" dengan ibunya daripada bapa.

Keadaan ini adalah "significant" kerana memang sifat semula jadi seorang wanita itu amat penyayang kepada kenak-kanak. Sosialisasi seseorang itu di peringkat awal adalah penting kerana pola-pola asas personaliti adalah dipelajari ditahap itu. Tetapi oleh kerana penglibatan wanita dalam pekerjaan menyebabkan ia tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian di dalam pembentukan peribadi anak-anak itu. Inilah yang menjadi masalah paling berat yang dihadapi oleh ibu-ibu yang bekerja. Namun demikian masalah ini dapat dikurangkan dengan bantuan dari pembantu rumah. Dari kajian yang dijalankan didapati sebanyak 68% responden khususnya dari golongan mereka yang telah berumah tangga mempunyai pembantu rumah. Ini bermakna anak-anak itu akan dijaga di bawah jagaan pembantu rumah ketika responden pergi ke pejabat tetapi bila pulang dari pejabat tanggungjawab itu diambil sepenuhnya.

Jika seseorang ibu itu hanya mempunyai masa yang sedikit untuk anak-anaknya seperti yang dinyatakan di atas, maka ini bererti sejumlah besar masa lagi adalah diserahkan kepada orang lain sama ada di kalangan pengasuh ataupun kepada ibu-ibu responden. Berdasarkan kajian didapati 68% responden mempunyai pengasuh kepada anak-anaknya dan 32% responden lagi menyerahkan tugas menjaga anak itu sama ada kepada ibu, mertua atau adik beradik.

Walau bagaimanapun kepada siapa tugas menjaga anak itu diserahkan, didapati fungsi ibu dalam mendidik dan melayan anak-anak adalah lebih berkesan. Oleh yang demikian mengikut pandangan

dari responden bahawa penglibatan mereka dalam pekerjaan tidak menggugatkan perhubungan mereka dengan anak-anak asalkan seorang ibu itu pandai membahagikan masa di antara tugas pejabat dan tugas rumah tangga. Mereka menegaskan demikian kerana bagi mereka tugas pejabat hanya setakat 4.15 petang dan masa selebihnya adalah ditumpukan kepada urusan rumah tangga semata-mata. Dengan kata lain, tugas di pejabat tidak dibawa balik ke rumah dan dengan demikian mereka dapat menguruskan urusan rumah tangga dengan lebih berkesan lagi.

iii) PENGGAULAN DAN PERHUBUNGAN DENGAN KELUARGA DI KAMPUNG

Berdasarkan data-data yang diperolehi dari responden, terdapat dua cara perhubungan dan pergaulan antara responden dengan keluarga mereka di kampung. Pertama ialah secara ziarah-menziarahi di antara kedua belah pihak iaitu sama ada responden menziarahi keluarga di kampung ataupun di sebaliknya. Di sini terdapat bahawa kunjung-mengunjung ini mungkin kerana pihak anak (responden) ingin melihat keadaan ibu bapa dan adik beradik mereka dan pada pihak ibu bapa pula kerana rindukan anak ataupun cucu-cucu mereka.

Jangkamasa bagi kedua belah pihak menziarahi dan tinggal di satu-satu rumah itu adalah bergantung kepada faktor masa dan keadaan. Misalnya ada responden yang sudah berumah tangga memberi-

kan jawapan bahawa kesuntukan masa tidak memberi peluang bagi mereka untuk tinggal lama bersama keluarga di kampung, sekiranya mereka pulang pada setiap minggu atau bulan. Oleh yang demikian kebanyakannya responden yang sudah berumahtangga mengambil keputusan untuk balik menziarahi keluarga di kampung cuma setahun sekali kerana dengan cara begini membolehkan mereka mengambil cuti yang agak panjang.

Di samping itu faktor yang menyebabkan responden yang sudah berumahtangga tidak begitu kerap pulang ke kampung kerana mereka mahu menumpukan lebih masa terhadap anak-anak dan suami di dalam rumah tangga mereka sendiri.²⁷

Faktor jarak jauh di antara tempat tinggal responden dengan kampung mereka juga mempengaruhi kekerapan ziarah-menziarahi dan juga lamanya satu-satu ziarah itu. Oleh itu berdasarkan jadual 12, didapati bilangan responden yang sudah berumahtangga balik ke kampung setahun sekali adalah sebanyak 44% berbanding dengan golongan yang belum berumahtangga iaitu cuma 8% sahaja. Tetapi sebaliknya responden yang belum berumahtangga kebanyakannya balik menziarahi keluarga di kampung ialah pada tiap-tiap bulan. Golongan yang terlibat adalah sebanyak 40% berbanding dengan responden yang berumahtangga iaitu cuma 12% sahaja. Perbezaannya begitu ketara kerana bagi responden yang belum berumahtangga, mereka mempunyai

²⁷Bab 4: Hubungan wanita yang sudah berumahtangga terhadap keluarga. Hal. 63 - 69.

masa yang banyak untuk menziarahi keluarga masing-masing, sedangkan responden yang sudah berkeluarga, masa bagi mereka adalah begitu terhad sekali. Untuk melihat sejauhmana eratnya perhubungan responden dengan keluarga di kampung melalui cara ziarah-menziarahi ini, sila rujuk jadual 12.

JADUAL 12

PERHUBUNGAN RESPONDEN MELALUI ZIARAH-MENZIARAH

KEKERAPAN MENZIARAH	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
TIAP-TIAP TAHUN	11	44	2	8
TIAP-TIAP BULAN	3	12	10	40
TIAP-TIAP MINGGU	3	12	6	24
TIDAK TENTU	8	32	7	28
JUMLAH	25	100	25	100

Seterusnya dilihat pula cara pergaulan dan perhubungan responden dengan keluarga di kampung melalui surat menyurat. Cara perhubungan begini kerap dilakukan oleh golongan responden yang belum berumahtangga, kerana mereka mempunyai masa yang banyak berbanding dengan responden yang sudah berumahtangga. Namun demikian, kebanyakannya jawapan yang diterima oleh kedua-dua golongan responden terhadap kekerapan menulis surat kepada keluarga di kampung ialah

"Tidak Tentu". Peratus yang memberi jawapan seperti ini tidak jauh bezanya iaitu 44% dari golongan yang sudah berumahtangga dan 48% dari golongan yang belum berumahtangga. Oleh sebab itu, dalam menjawab kekerapan mereka berhubung melalui surat menyurat tidak dapat digambarkan dengan jelas oleh kedua-dua belah pihak ini. Walau bagaimanapun bagi responden yang tidak menulis surat langsung, khususnya bagi responden yang sudah berumahtangga (36%) sekali-sekali mereka berhubung melalui telefon. Tetapi sebaliknya ketiadaan langsung berhubung dengan keluarga melalui surat menyurat jarang berlaku di kalangan responden yang belum berumahtangga. Walaupun terdapat hal yang demikian, bilangannya amat sedikit sekali iaitu cuma 4% sahaja. Keadaan ini berlaku kerana responden ini kerap balik ke kampung iaitu pada tiap-tiap minggu, jadi memadailah dengan cara ini saja. Dengan merujuk kepada jadual 13, dapatlah dilihat secara lebih jelas terhadap kekerapan responden-responden berhubung dengan keluarga di kampung melalui surat menyurat.

JADUAL 13

KEKERAPAN RESPONDEN MENULIS SURAT KE KAMPUNG

KEKERAPAN MENULIS	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
TIAP-TIAP BULAN	5	20	9	36
TIAP-TIAP MINGGU	0	0	3	12
TIDAK TENTU	11	44	12	48
TAK ADA LANGSUNG	9	36	1	4
JUMLAH	25	100	25	100

Berdasarkan dua cara perhubungan dan pergaulan responden dengan keluarga di kampung iaitu melalui ziarah-menziarahi dan surat menyurat, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa pertalian dengan keluarga di kampung melalui kedua-dua cara ini masih teguh walaupun sering terdengar bahawa penglibatan wanita dalam pekerjaan menghadkan pergaulan dan perhubungan mereka dengan ibu bapa dan adik-beradik di kampung. Walau bagaimanpun tidak dapat dinafikan bahawa faktor yang menghadkan perhubungan di antara kedua-dua golongan ini ialah masa, keadaan dan jarak jauh tetapi ianya tidaklah sama sekali melonggarkan ikatan kekeluargaan.

4.5

POLA PERBELANJAAN

Oleh kerana kebanyakan responden yang ditemui (94%) adalah golongan responden yang mempunyai taraf pendidikan yang tidak sampai ke peringkat ijazah, maka boleh dikatakan gaji mereka tidaklah begitu lumayan jika dibandingkan dengan responden-responden yang mempunyai taraf pendidikan hingga ke peringkat ijazah. Oleh yang demikian, sebahagian besar dari pendapatan baik dari golongan responden yang sudah berumahtangga maupun belum, adalah dibelanjakan ke atas item-item asasi seperti sewa rumah, perbelanjaan dapur, tambang bas atau kereta, pakaian yang perlu dan bantuan wang kepada keluarga di kampung.

Bantuan kepada keluarga di kampung merupakan perbelanjaan yang dikatakan penting kepada kebanyakan responden terutamanya dari

golongan responden yang belum berumah tangga.²⁸ Namun demikian jumlah sumbangan ini berbeza-beza dari segi peratus pendapatan yang diterima dan kebanyakannya mereka memberi dalam lingkungan 30% dari pendapatan yang diterima. Oleh itu memang tepat sepertimana yang dijelaskan oleh kebanyakannya responden terhadap salah satu faktor yang mendorong mereka melibatkan diri dalam bidang pekerjaan ialah untuk membantu ibu bapa dan adik beradik yang senantiasa mengalami masalah kewangan.

Kiriman wang kepada keluarga di kampung selalunya dilakukan apabila responden mendapat gaji bulanan. Namun demikian ini tidak bermakna responden hanya mengirim wang tatkala musim gaji sahaja. Mengikut beberapa orang responden yang ditemui, kiriman wang kepada keluarga selain dari musim gaji juga dilakukan sekiranya keluarga di kampung benar-benar memerlukan wang kerana kebanyakannya ibu bapa responden adalah dari golongan petani di mana mereka tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Jadi bantuan dari anak-anak yang bekerja amatlah diperlukan. Secara amnya dapatlah disimpulkan iaitu sumbangan kepada keluarga di kampung merupakan satu tanggungjawab responden.

Di samping memberi bantuan kewangan kepada keluarga, sebahagian wang pendapatan juga diperuntukkan ke atas sewa rumah. Bagi responden yang telah berumah tangga, bayaran ke atas sewa rumah

²⁸Bab III: Kekerapan responden menghantar wang ke kampung. Jadual 6. Hal 44.

tidak menjadi masalah dan juga tidak menjejaskan pendapatan bulanan mereka kerana bagi golongan seperti ini bayaran ke atas sewa rumah adalah menjadi kewajipan suami. Manakala golongan yang belum berumahtangga, membayar sewa rumah adalah salah satu dari tanggungjawab mereka. Tetapi kadarnya tidaklah begitu banyak, iaitu di antara 10 - 15% sahaja bagi seorang kerana mereka ini kebanyakannya berkongsi untuk satu unit rumah. Oleh itu dari sudut perbelanjaan ke atas sewa rumah di antara dua golongan ini jelas menunjukkan perbezaan di mana sebahagian pendapatan responden yang belum berumahtangga harus diperuntukkan untuk sewa rumah, manakala golongan yang sudah berumahtangga, mereka berpeluang berbelanja lebih ke atas item-item yang lain pula.

Dalam menghuraikan perbelanjaan responden ke atas barang-barang dapur dan juga makanan sama ada di pejabat atau tidak, pengkaji menghadapi kesulitan kerana responden-responden tidak dapat memberikan pandangan yang jelas walaupun cuma dalam bentuk peratus. Keadaan begini wujud kerana bagi golongan yang belum berumahtangga, kadar perbelanjaan ke atas item ini sukar ditentukan kerana mereka kadang-kadang tidak masak di rumah tetapi sebaliknya membeli makanan yang telah siap dimasak. Jadi responden-responden yang belum berumahtangga ini menjelaskan bahawa sebahagian besar pendapatan mereka dibelanjakan ke atas barang-barang makanan sahaja. Begitu juga dengan golongan yang sudah berumahtangga, bahawa mereka tidak dapat menentukan kadar perbelanjaan ke atas barang-barang dapur dan juga makanan kerana perbelanjaan ini dilakukan secara bertolak ansur dengan suami.

Namun demikian kadar perbelanjaannya sudah pasti besar jika dibandingkan dengan mereka yang belum berumahtangga kerana tanggungjawab mereka terhadap keluarga dan anak-anak adalah lebih besar. Oleh yang demikian, didapati sebahagian besar pendapatan responden adalah diperuntukkan untuk perbelanjaan makanan.

Menyentuh mengenai perbelanjaan ke atas pakaian dan hiburan pula, secara keseluruhan didapati responden-responden membuat perbelanjaan yang kecil sahaja ke atas pakaian dan hiburan iaitu cuma lebih kurang 10 - 15% sahaja. Walaupun pakaian merupakan perkara yang penting untuk wanita, tetapi oleh kerana keperluan lain diutamakan maka perbelanjaan ke atas pakaian dan hiburan hanya dibuat jika dirasakan perlu bagi kebanyakan responden dan kadarnya adalah sedikit sahaja.

Sebahagian pendapatan juga diperuntukkan untuk tabungan iaitu lebih kurang 5 - 15% dari jumlah pendapatan. Namun demikian ada juga responden (12%) yang tidak memerlukan sebahagian wang pendapatan untuk dijadikan tabungan kerana gaji yang diperolehi itu tidak mencukupi. Ini adalah kerana responden itu lebih banyak menggunakan wang gajinya ke atas item-item lain. Sungguhpun demikian ini tidaklah bermakna tidak ada langsung tabungan yang dibuat tetapi kadar untuk tabungannya tidaklah tetap sepetimana lain-lain responden yang dapat menganggarkan peratus wang yang disediakan untuk tabungan.

Dari keseluruhan pola perbelanjaan responden, ianya dapat disimpulkan bahawa perbelanjaan bagi wanita-wanita yang mempunyai sumber pendapatan sendiri walaupun pendapatan mereka adalah sederhana, namun ia pandai membahagi-bahagikan wang pendapatan itu secara yang ekonomik sekali kerana dari peratus pendapatan yang diberikan oleh responden, didapati jumlah peratus yang terbesar (lebih kurang 70%) adalah dibelanjakan kepada item-item yang dianggap penting sahaja dan sesuai dengan pendapatan mereka.

BAB V

PERANAN WANITA DALAM PERTUBUHAN BERCORAK SOSIAL (DI PEJABAT DAN DI LUAR PEJABAT)

Kita tidak dapat menafikan anggapan masyarakat yang berpendapat bahawa isteri yang sempurna ialah isteri yang dapat menunaikan tanggungjawab mereka dengan lengkap di dalam rumah tangga seperti memasak, mencuci, mengemas rumah, mendidik anak-anak dan melayan suami. Pembahagian tugas seperti ini adalah semata-mata untuk mewujudkan kedamaian dan kesejahteraan di dalam sesebuah rumah tangga.

Walau bagaimanapun apa yang terdapat pada hari ini ialah keadaan peranan yang dimainkan oleh wanita-wanita telah berubah. Ini bererti mereka bukan sahaja melibatkan diri dalam bidang ekonomi semata-mata tetapi telah dapat meluangkan masa ke atas kegiatan-kegiatan yang bercorak sosial.

Dari kajian yang telah dijalankan pengkaji cuba melihat sejauhmana penglibatan wanita di dalam kegiatan sosial itu tidak menjelaskan peranan utama mereka terhadap rumah tangga. Berlandaskan kajian yang telah dijalankan, pengkaji dapat membahagikan kegiatan-kegiatan sosial itu secara formal dan informal. Untuk melihat sejauhmana penglibatan wanita-wanita ini di dalam kedua-dua bentuk aktiviti sosial ini, maka adalah lebih baik diuraikan ter-

lebih dahulu bagaimana aktiviti yang dikatakan formal dan informal.

5.1 KEGIATAN SECARA FORMAL

Kegiatan ini dilakukan secara perkumpulan atau per-satuan. Ciri yang nyata bagi kegiatan-kegiatan jenis ini ialah ia mempunyai institusi yakni struktur keahlian dan juga mempunyai masa kegiatan yang tertentu. Misalnya di tempat pengkaji menjalankan kajian, terdapat dua bentuk kegiatan yang dijalankan secara formal. Kegiatan-kegiatan ini ialah PASPA (Persatuan Anggota-anggota Suruhan-jaya Perkhidmatan Awam) dan BAKAP (Badan Kebajikan Anggota-anggota Pengambilan).

Keahlian bagi kegiatan PASPA ini meliputi kesemua pekerja-pekerja di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Dengan lain per-kataan, setiap pekerja di Suruhanjaya itu secara automatik akan di-serapkan menjadi ahli PASPA dan ahli-ahli ini hendaklah mengikut syarat-syarat yang dikehendaki oleh PASPA sebagai seorang ahli. Misalnya dari segi pembayaran bulanan. PASPA telah menetapkan bayaran yuran tahunan bagi pekerja yang mempunyai pendapatan yang lebih dari \$1,000/- maka iaanya mesti membayar sebanyak \$5/-, manakala mereka yang mempunyai pendapatan \$1,000/- ke bawah, maka di-kenakan bayaran sebanyak \$3/- setahun. Oleh yang demikian, pem-bayaran yuran bagi kegiatan PASPA ini adalah bergantung kepada pen-dapatan ahli-ahlinya.

Seterusnya dilihat pula sejauhmana aktifnya kegiatan PASPA ini dan kesannya kepada pekerja-pekerja di sini khususnya bagi golongan wanita. Melalui kegiatan PASPA ini, pekerja-pekerja telah berpeluang untuk kenal mengenal di antara satu dengan lain secara yang lebih dekat lagi, kerana sepertimana yang telah di-terangkan di dalam bab 4, keadaan tugas dan tempat kerja seseorang telah menghadkan seseorang untuk bergaul mesra misalnya jarak di antara tempat kerja Bahagian Pengambilan dengan tempat kerja Bahagian Perkhidmatan. Oleh itu dengan beberapa aktiviti yang di-jalankan oleh PASPA ini, maka kerenggangan perhubungan di antara pekerja-pekerja itu dapat dieratkan, misalnya melalui aktiviti kesukuanan. Boleh dikatakan penglibatan responden wanita dalam aktiviti ini khususnya dalam permainan bola jaring begitu menggalak-kan. Mereka yang terlibat bukan sahaja dari golongan yang belum berkahwin, bahkan juga golongan yang sudah berkahwin, tetapi bilang-annya adalah kecil sahaja. Keadaan ini menunjukkan walaupun mereka sibuk dengan urusan di pejabat dan juga urusan rumah tangga, namun mereka dapat juga meluangkan masa untuk aktif dalam kegiatan-kegiatan yang formal. Sungguhpun begitu tidak kesemua responden yang ditemui itu bergiat secara aktif terutamanya dalam kegiatan sukan yang dianjurkan oleh PASPA. Untuk mendapat gambaran yang jelas bilangan responden yang aktif ataupun sebaliknya, sila rujuk Jadual 14.

JADUAL 14

terdapat PENGLIBATAN RESPONDEN DALAM SUKAN ANJURAN PASPA

JENIS PENGLIBATAN	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
AKTIF	4	16	11	44
KURANG AKTIF	9	36	8	32
ARLI BIASA	12	48	6	24
JUMLAH	25	100	25	100

Dari jadual di atas, menunjukkan bahawa penglibatan responden yang sudah berumahtangga di dalam sukan yang dianjurkan oleh PASPA kurang menggalakkan. Keadaan ini jelas terdapat kerana cuma 16% sahaja responden yang sudah berumahtangga yang dianggap aktif. Sebaliknya kadar peratus yang tinggi adalah dari mereka yang belum berumahtangga iaitu sebanyak 44%. Namun demikian tidak kesemua responden bergiat secara aktif dalam aktiviti ini kerana terdapat sebanyak 24% dari golongan yang belum berkahwin setakat menjadi ahli biasa sahaja. Begitu juga dengan golongan yang sudah berumahtangga didapati sebanyak 48% setakat menjadi ahli biasa sahaja. Kebanyakan mereka ini adalah responden yang sudah mempunyai anak lebih dari 2 orang. Jadi tanggungjawab terhadap anak-anak dan urusan rumah tangga haruslah dititikberatkan. Oleh yang demikian, faktor di atas telah menghadkan penglibatan responden ini dalam aktiviti ini secara giatnya.

Selain dari aktiviti sukan yang dianjurkan oleh PASPA, terdapat juga aktiviti lain yang dianggap penting, iaitu mengadakan pengumpulan wang untuk kebajikan ahli-ahlinya. Hasil kutipan wang itu akan digunakan untuk membeli hadiah atau cenderamata apabila seseorang ahli itu meraikan majlis perkahwinan, memberi hadiah ketika ahli itu melahirkan anak dan juga memberi sumbangan kepada ahli apabila berlaku kematian ke atas anggota keluarga ahli-ahli itu.

Di samping menubuhkan tabung kebajikan ini, PASPA juga telah berjaya menerbitkan majalah bulanannya yang bertajuk "BERITA PASPA". Selain dari memuatkan berita-berita mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, ianya juga memberi peluang kepada ahli-ahlinya untuk menghasilkan karya penulisan masing-masing. Untuk menggalakkan pekerja-pekerja di sini terus memberi sumbangan kepada majalah ini, maka PASPA telah memberi ganjaran kepada penulis terbaik pada setiap keluaran majalah. Ganjaran itu adalah berupa wang sebanyak \$5/- bagi setiap hasil penulisannya.

Seterusnya pula dilihat kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh BAKAP. BAKAP sebenarnya adalah persatuan yang ditubuhkan oleh kakitangan-kakitangan di Bahagian Pengambilan sahaja. Dengan lain perkataan, tidak kesemua kakitangan di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menjadi ahli kepada persatuan ini, seperti mana yang berlaku terhadap keahlian PASPA. Oleh yang demikian agak sukar bagi pengkaji untuk menjadualkan bilangan wanita yang terlibat dalam

kegiatan BAKAP ini kerana terdapat "overlapping membership". Ini bererti pekerja yang menjadi ahli kepada BAKAP, turut juga menjadi ahli kepada PASPA, tetapi sebaliknya pekerja yang menjadi ahli kepada PASPA tidak kesemuanya menjadi ahli kepada BAKAP. Dengan hal yang demikian, jelaslah bahawa BAKAP dan PASPA adalah 2 buah persatuan yang bergiat secara berasingan. Namun demikian dari segi aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh BAKAP adalah hampir sama. Oleh itu dirasakan tidak perlulah bagi pengkaji untuk menghuraikan satu persatu aktiviti yang dijalankan oleh BAKAP itu. Cuma yang berbeza di antara kedua-dua buah persatuan ini ialah dari segi pembayaran yuran. Sepertimana yang terdapat pada PASPA, yuran hanya perlu dibayar sekali sahaja dalam setahun, tetapi bagi BAKAP, setiap ahli dikehendaki membayar yurannya pada tiap-tiap bulan. Yuran yang dikenakan pada setiap ahli ialah sebanyak \$2/- sebulan.

Berdasarkan penglibatan wanita dalam persatuan-persatuan yang bercorak formal sepertimana yang terdapat di Suruhan-jaya Perkhidmatan Awam ini bolehlah dibuat kesimpulan bahawa kaum wanita dalam konteks kajian ini, khususnya wanita yang telah berumahtangga, mereka bukan sahaja telah meluaskan peranan mereka dengan menjalankan tugas-tugas di pejabat, bahkan ada juga yang telah bergiat dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak jabatan. Walaupun tidak kesemua responden yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan ini tetapi berdasarkan kajian didapati sebilangan besar masih mempunyai masa untuk bergiat dalam kegiatan-kegiatan yang disebut di atas. Selain dari minat sendiri yang mendorong

mereka menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan ini, sokongan dari suami dan juga memandangkan masa yang dapat ditumpukan kepada rumah tangga tidak begitu menjaskan maka wanita-wanita ini terus bergiat dalam bidang tersebut. Dengan kenyataan ini terbuktilah bahawa penglibatan kaum wanita dalam pekerjaan tidak meninggalkan kesan yang negatif ke atas hubungan suami dan anak-anak kerana masa yang diperuntukkan untuk kegiatan-kegiatan ini cuma memerlukan masa yang singkat sahaja. Dengan lain perkataan, kegiatan-kegiatan ini hanya bergiat dalam masa-masa yang tertentu sahaja dan bukannya pada setiap hari. Oleh itu masa untuk kaum wanita ini menjalankan tanggung-jawab ke atas rumah tangga tidaklah begitu menjaskan.

5.2

KEGIATAN SECARA INFORMAL

Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh responden secara informal ini bererti kegiatan-kegiatan itu tidak mempunyai institusi yang nyata dan tidak terdapat ahli-ahli yang berdaftar sepetimana yang terdapat pada kegiatan yang dijalankan secara formal.

Di antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh responden secara informal ini sama ada di pejabat atau luar pejabat ialah penglibatan mereka dalam bidang perniagaan. Di antara bentuk barang yang dijual ialah alat-alat solek, barang-barang kemas, kain batik, keropok, kuih-muih dan sebagainya. Aktiviti seperti ini dijalankan di luar masa bertugas iaitu sama ada di waktu pagi iaitu sebelum masuk waktu pejabat, atau di masa rehat ataupun di waktu

petang iaitu selepas habis waktu pejabat. Walaupun masa untuk aktiviti ini begitu terhad sekali, namun dengan semangat perniagaan yang ada pada responden itu di samping galakkan dari pekerja-pekerja lain, maka iaanya dapat dilaksanakan dengan begitu berkesan sekali. Aktiviti seperti ini bukan sahaja memberi faedah kepada mereka yang terlibat dengan perniagaan itu tetapi sekurang-kurangnya dapat membantu pekerja-pekerja lain, khususnya mereka yang sudah berumahtangga yang tidak mempunyai masa untuk membeli belah di kedai-kedai kerana kesibukan terhadap urusan rumah tangga. Maka dengan adanya penjualan barang-barang seperti ini di pejabat, iaanya merupakan satu kebaikan kepada kebanyakan pekerja-pekerja lain. Di samping itu iaanya juga memberi peluang kepada pekerja-pekerja yang tidak atau kurang mampu supaya dapat membeli barang-barang yang dianggap mahal itu secara bayaran ansuran, misalnya dalam pembelian barang-barang kemas, alat-alat solek dan pinggan mangkuk. Untuk melihat sejauhmana penglibatan wanita dalam kegiatan yang bercorak informal ini, sila lihat jadual 15.

JADUAL 15

KEGIATAN RESPONDEN SECARA INFORMAL

JENIS PERNIAGAAN	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
ALAT-ALAT SOLEK	2	8	1	4
BARANG-BARANG KEMAS	1	4	0	0
PINGGAN MANGKUK	4	16	1	4
KAIN BATIK	0	0	3	12
BARANG-BARANG MAKANAN	1	4	0	0
TIDAK ADA	17	68	20	80
JUMLAH	25	100	25	100

Berdasarkan jadual di atas didapati golongan responden yang aktif dalam kegiatan-kegiatan informal ini adalah terdiri dari mereka yang sudah berumahtangga. Bilangan keseluruhan yang terlibat adalah sebanyak 32% berbanding dengan golongan yang belum berkahwin iaitu cuma 20%. Keadaan yang sedemikian berlaku kerana kebanyakan responden yang telah berkahwin melibatkan diri dalam bidang perniagaan ini untuk menstabilkan keadaan ekonomi rumah tangga. Dengan kata lain mereka bermiaga untuk menambahkan lagi pendapatan suami isteri memandangkan bilangan tanggungan semakin yang meningkat serta desakan dari kos hidup yang terdapat sekarang begitu tinggi. Sebaliknya bilangan responden yang belum berkahwin itu kecil sahaja

yang terlibat dalam perniagaan kerana mereka tidak mempunyai tanggungan yang berat seperti golongan yang satu lagi. Cuma yang perlu golongan ini tanggung ialah keluarga di kampung serta perbelanjaan diri sendiri. Jadi di sini jelas menunjukkan penglibatan wanita dalam kegiatan informal ini adalah didorong oleh faktor ekonomi selain dari minat mereka sendiri.

Secara keseluruhan, jelas terbukti bahawa terdapat perbezaan bilangan di antara penglibatan responden di dalam kegiatan-kegiatan yang bercorak formal dan informal. Di dalam kegiatan-kegiatan yang bercorak formal didapati bilangan terbesar yang ber-giatan aktif adalah dari golongan mereka yang belum berumahtangga, tetapi sebaliknya di dalam kegiatan-kegiatan yang bercorak informal, bilangan terbesar yang terlibat adalah terdiri dari mereka yang sudah berumahtangga.

5.3 IMPLIKASI PENGLIBATAN WANITA DALAM PEKERJAAN

Kita telah perhatikan antara lainnya latar belakang responden, faktor-faktor yang mendorong mereka bekerja dan juga sejauhmana penglibatan mereka dalam kegiatan-kegiatan yang formal dan informal. Seterusnya kita libat pula apakah implikasi yang timbul akibat penduaan peranan mereka ini terhadap institusi keluargaan iaitu dari segi saiz keluarga yang ideal dan juga aspek mensosialisasikan anak-anak.

i) IMPLIKASI KE ATAS SAIZ KELUARGA

Seringkali terdapat andaian-andaian yang mengatakan bahawa saiz keluarga adalah lebih kecil di kalangan wanita-wanita yang terlibat di dalam dunia pekerjaan di luar rumah tangga. Selain daripada itu, pelajaran juga dikaitkan dengan berapa besarnya saiz satu-satu keluarga di mana wanita-wanita yang berpelajaran tinggi dikatakan lebih cenderung untuk memiliki saiz keluarga yang kecil. Oleh itu, dalam kajian yang dibuat, pengkaji cuba menghurai-kan setakat mana saiz sesebuah keluarga yang dianggap ideal atau dengan kata lain saiz keluarga yang diharap-harapkan oleh responden sama ada yang sudah berumah tangga ataupun belum.

Berdasarkan kajian yang dibuat, didapati bilangan besar responden-responden ini begitu cenderung untuk memiliki keluarga yang bersaiz kecil sahaja. Di antara faktor yang mempengaruhi saiz famili ini ialah sikap.

Sikap adalah di antara salah satu faktor yang dapat menentukan saiz satu-satu keluarga. Kalau sesebuah keluarga itu sama ada di zaman dahulu ataupun sekarang, tidak inginkan anak yang ramai, maka mereka akan berusaha untuk mengelakkan daripada mendapatkan bilangan anak yang ramai itu. Namun kesannya lebih terasa dalam masyarakat industri-bandaran hari ini, di mana wanita-wanita telah diberi peluang untuk memilih sama ada mahu melahirkan anak ataupun tidak. Ini adalah kerana pada keseluruhannya masyarakat

ini telah menyedari dan menerima dengan baiknya akan usaha-usaha perancang keluarga. Walaupun kadangkala usaha ini gagal oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, tetapi usaha ini masih tetap ada. Dari kajian ke atas 50 responden iaitu 25 daripadanya yang sudah berumahtangga dan 25 lagi dari golongan yang belum, didapati mereka mempunyai sikap tersendiri mengenai saiz keluarga yang ideal. Untuk lebih jelas, bolehlah dirujuk kepada jadual 16.

JADUAL 16

BILANGAN ANAK YANG IDEAL

BIL. ANAK YANG IDEAL	KAHWIN		BUJANG	
	Bil. Resp.	%	Bil. Resp.	%
2	1	4	2	8
3	2	8	3	12
4	10	40	11	44
5	8	32	4	16
6	1	4	0	0
TIDAK TENTU	3	12	5	20
JUMLAH	25	100	25	100

Dari jadual di atas didapati sejumlah besar responden (84%) mengatakan bahawa famili yang sederhana dan ideal adalah famili yang mempunyai empat orang anak. Di antara sebab-sebabnya

ialah responden sangat memikirkan masa depan anak itu sendiri. Dengan mempunyai saiz famili yang sederhana ini, mereka berharap akan dapat memberikan nafkah hidup seperti makanan, pakaian dan didikan yang secukupnya kepada anak-anak mereka sesuai dengan jumlah pendapatan yang diterima. Selain dari itu responden yang memberi jawapan terhadap bilangan anak yang ideal ini ialah empat orang kerana mereka senang menjaga dan memberi perhatian yang secukupnya kepada anak-anak itu. Ini adalah juga kerana mereka terdiri dari ibu-ibu yang bekerja di luar dan masa untuk mereka memberi perhatian kepada anak-anak adalah terhad. Jadi di sini didapati pekerjaan juga mempunyai kaitan dengan saiz sesebuah keluarga.

Ada juga responden menganggap sesebuah rumah itu akan tenang dan tenteram sekiranya saiz famili itu tidak terlalu besar. Ini adalah kerana mereka sering mengaitkan saiz famili dengan suasana di rumah. Kebisingan akan bertambah lagi dengan bilangan anak yang ramai. Setelah penat bekerja di luar, mereka mengatakan mereka juga inginkan ketenangan dan berehat di rumah. Semen-tara itu pula, jikalau bilangan anak itu terlalu kecil iaitu satu atau dua orang maka mereka merasakan kesunyian pula.

Di samping itu ada responden yang mengaitkan saiz satu-satu famili itu dengan kesihatan. Mereka berpendapat sekiranya ibu-ibu pada tiap-tiap tahun melahirkan anak, maka ibu itu

tidak akan dapat menjaga kesihatan mereka dengan baik, lantaran itu akan menjejaskan tugas-tugasnya sama ada di dalam atau di luar rumah-tangga. Kesedaran terhadap kesihatan ini adalah lahir dari kebaikan merancang keluarga. Oleh itu, didapati hampir kesemua responden ini bersetuju untuk merancang kelahiran seseorang anak itu. Dalam konteks ini, perancang keluarga membawa pengertian sebagai menyusun atau mengatur keluarga, sesuai dengan keadaan keluarga itu sendiri dari segi kemampuan kesihatan, sosial dan ekonomi keluarga itu.

Sementara itu ada sebilangan kecil responden pula yang mengatakan ia tidak akan melahirkan anak setelah umurnya melebihi 40 tahun. Oleh yang demikian didapati umur juga dapat mempengaruhi satu-satu saiz famili itu.

Walau bagaimanapun, kenyataan terhadap saiz famili yang ideal bagi mereka ini tidak dapat dibuktikan lagi kerana majoriti daripada mereka ini masih belum mencapai ke peringkat yang dicita-citakan. Namun demikian, jika dibandingkan antara saiz famili dahulu dengan sekarang, tendensi famili hari ini untuk memiliki saiz famili yang kecil adalah sememangnya benar. Oleh itu, adakah sikap ini membawa kesan yang tidak baik dalam institusi kekeluargaan?

Dalam membuat penilaian tentang perkara di atas, kebanyakan responden berpendapat bahawa kita seharusnya menyesuaikan nilai dan sikap kita berdasarkan keadaan masyarakat yang wujud di waktu itu. Sepertimana yang diketahui, masyarakat sekarang ada-

lah berbentuk industri-bandaran yang menampakkan sifat-sifat individualistiknya. Kedudukan ekonomi yang agak kuat membebaskan satu-satu anggota dari bergantung kepada kaum keluarga. Keadaan ini juga telah menukar corak hak dan tanggungjawab anggota-anggota pada keluarga mereka. Misalnya tanggungjawab seseorang itu untuk mengerjakan tanah kepunyaan keluarga tidak dipentingkan lagi. Oleh yang demikian, tanggungjawab sesebuah famili untuk melahirkan anak yang ramai bagi keperluan untuk mendapatkan tenaga buruh tidak lagi menjadi penting. Malahan tanggungjawab baru yang timbul dari perubahan masa dan sikap ialah untuk memberikan didikan formal setinggi-tingginya kerana di zaman yang serba maju sekarang, sistem pengambilan pekerja-pekerja baik di sektor awam maupun sektor swasta, adalah lebih bercorak kebolehan akademik dan profesional dan bukan lagi bercorak warisan seperti zaman dulu. Sekarang perbelanjaan atau kos penghidupan di bandar adalah amat tinggi. Ini bermakna jumlah anak yang akan lahir hendaklah bersesuaian dengan pendapatan dan aspirasi sesebuah keluarga itu. Jadi kecilnya satu-satu saiz keluarga itu bukanlah membawa petunjuk yang tidak baik di dalam sistem kekeluargaan kerana apa yang lebih penting ialah nilai tiap-tiap individu yang dilahirkan itu. Ini bermakna seseorang itu seharusnya mempunyai moral yang baik, berpelajaran dan tubuh badan yang sihat.

ii) IMPLIKASI KE ATAS EKONOMI

Menyentuh tentang implikasi terhadap pendapatan akibat penduaan peranan wanita, hasil dari kajian didapati peng-

libatan wanita dalam bidang ekonomi ini sedikit sebanyak telah dapat memperbaiki taraf hidup keluarga. Sekiranya semua anggota keluarga hanya meletakkan seluruh pergantungan ekonomi rumah tangga kepada hasil pendapatan suami atau bapa semata-mata, sudah tentulah akan menimbulkan ketidakstabilan di dalam ekonomi rumah tangga kerana kebanyakan responden yang ditemui adalah terdiri dari bapa yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap, manakala yang sudah bersuami, boleh dikatakan kebanyakan mereka mempunyai pendapatan yang boleh dianggap tidak berapa lumayan. Jadi sebagai satu jalan untuk menstabilkan kedudukan ekonomi rumah tangga, maka wanita-wanita ini telah sama-sama melibatkan diri di dalam bidang ekonomi selain dari faktor-faktor lain yang mendorong penglibatan mereka dalam bidang tersebut.

Dari sini dapatlah disimpulkan bahawa penyertaan kaum wanita di zaman moden di dalam pekerjaan telah membawa beberapa akibat atau implikasi tertentu dalam bidang sosio-ekonomi. Di bidang ekonomi, selain dapat membantu menambahkan pendapatan keluarga, wanita yang bekerja juga dapat meringankan beban perbelanjaan dalam rumah tangga dan sekurang-kurangnya akan dapat mengatasi masalah dari segi kewangan keluarga. Dengan demikian mereka dapat membantu meninggikan lagi taraf hidup di kalangan mereka. Manakala bagi wanita yang masih belum berkahwin, pendapatan dari pekerjaan sekurang-kurang dapat pula meringankan beban orang tua mereka serta dapat sedikit sebanyak menyumbangkan bakti mereka terhadap orang tua mereka. Di samping itu juga bagi pandangan wanita secara umum, pekerjaan yang memberi pendapatan kepada mereka adalah suatu bentuk jaminan hidup

di hari hadapan sekiranya berlaku sesuatu kemungkinan ke atas mereka.

Akibat dari keadaan ini, kita haruslah mengakui bahawa nafkah hidup bukan hanya dapat dicari oleh suami seorang, tetapi kini para isteri juga sekurang-kurangnya telah membantu tugas tersebut.

iii) IMPLIKASI KE ATAS MASA RESPONDEN

Jika dilihat implikasi terhadap masa bagi wanita yang memegang "dual career", hasil dari kajian menunjukkan bahawa kaum wanita kini mempunyai masa rehat yang kurang berbanding dengan suami. Ini adalah kerana selepas menjalankan kerja-kerja di pejabat, mereka juga terpaksa menguruskan pekerjaan-pekerjaan di rumah seperti memasak, mengemas, melayan anak-anak dan suami. Sedangkan para suami pula biasanya dapat berehat selepas penat menghabiskan kerja di pejabat. Di sini menunjukkan kedua-dua tugas "public" dan "private" merupakan tanggungjawab yang berat bagi wanita yang dianggap mempunyai sifat fizikal yang lemah. Namun dengan berlakunya perubahan sikap ke atas diri mereka sendiri, mereka merasakan di zaman yang serba maju ini, kaum wanita tidak harus ketinggalan dalam menyumbangkan tenaga kepada negara yang amat memerlukan bantuan dan kerjasama dari kedua-dua belah pihak baik dari kaum lelaki maupun perempuan. Oleh yang demikian, supaya kaum wanita itu dapat menjalankan kedua-dua tanggungjawab dengan sempurna,

maka mereka mestilah pandai membahagi-bahagikan masa yang terhad itu secara yang paling bijak supaya keseimbangan terhadap tugas di pejabat dan di rumah dapat diwujudkan.

BAB VI

KE SIMPULAN

Dalam zaman yang menghadapi berbagai-bagai perubahan seperti yang terdapat pada hari ini, peranan kaum wanita dalam masyarakat umum sememangnya tidak boleh diketepikan. Kaum wanita kini telah menyedari tanggungjawab mereka bukan sekadar di ceruk dapur sahaja, tetapi meliputi tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, dalam bab akhir ini pengkaji ingin membuat kesimpulan sejauhmana saranan-saranan yang dibuat oleh sarjana-sarjana terhadap peranan wanita itu dapat diapplikasikan dengan konteks kaum wanita yang dikaji di sektor awam ini.

Walaupun pada umumnya berlaku perubahan sikap di mana kaum wanita telah dibenarkan bekerja, tetapi perubahan ini tidak pula mengakibatkan terlakunya satu perubahan lain yang dapat mengurangkan tanggungjawab kaum wanita terhadap rumah tangga. Kalau dalam masyarakat Melayu tradisional, wanita mempunyai tanggungjawab yang sepenuhnya ke atas soal-soal urusan rumah tangga sahaja, tetapi dalam masyarakat hari ini berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas 90 orang responden, didapati di samping responden bertanggungjawab ke atas pekerjaan-pekerjaan mereka di luar rumah, mereka juga masih dapat menumpukan perhatian dalam menjalankan tanggungjawab ke atas keluarga dan rumah tangga. Kedua-dua ini telah dibuktikan oleh pengkaji iaitu responden yang

melibatkan diri dalam "private job" bukan semata-mata untuk mendapatkan wang bagi memenuhi keperluan mereka sendiri seperti membeli baju yang mahal-mahal ataupun barang-barang yang dianggap mewah, tetapi penglibatan mereka di dalam "private job" itu adalah didasarkan kepada rasa tanggungjawab untuk membantu keluarga terutamanya dalam masalah kewangan. Dengan kata lain rasa tanggungjawab terhadap keluargalah yang menjadi salah satu faktor pendorong yang utama kepada kebanyakan responden untuk bekerja. Namun demikian masih terdapat lain-lain faktor yang mendorong kaum wanita ini menceburkan diri dalam "private job".²⁹ Oleh itu dapat dikatakan bahawa kaum wanita ini mempunyai sikap bahawa bidang "private" dan "public job" itu adalah sama dipentingkan demi kesejahteraan keluarga. Berdasarkan kepada kenyataan tersebut maka didapati bahawa saranan-saranan yang dibuat oleh beberapa orang sarjana seperti Darling, Iglehart dan lain-lain yang menghadkan peranan dan tanggungjawab seorang wanita itu hanya terhadap urusan-urusan di dalam rumah tangga sahaja.³⁰ tidak lagi bersesuaian dengan wanita di masa kini. Ini ialah kerana kes penghidupan terutamanya di bandaraya Kuala Lumpur adalah jauh bezanya dengan zaman dulu. Jadi penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan sekurang-kurangnya dapat mengurangkan masalah kewangan yang selama ini dipertanggungjawabkan ke atas pihak bapa atau suami sahaja.

²⁹ Bab 3: Faktor Yang Mendorong Responden Bekerja.
Jadual 8. Hal 52.

³⁰ Bab 2: Konsep Peranan Wanita Dalam Pekerjaan.
Hal 15 - 28.

Walaupun kita dapati bahawa kaum wanita yang dikaji merasai tanggungjawab mereka terhadap pekerjaan itu besar ertiinya, ini tidaklah bermakna bahawa mereka akan mengurangkan pula peranan mereka di dalam urusan rumah tangga. Ini bererti, walau bagaimana tinggi jawatan yang dipegang dan bagaimana berjaya mereka, dalam meneroka bidang pekerjaan yang senantiasa mencabar, namun peranan mereka sebagai seorang suri rumah dan ibu kepada anak-anak tetap menjadi tanggungjawab yang seharusnya tidak diabaikan.

Misalnya dari sudut perhubungan suami dan anak-anak dengan isteri yang bekerja didapati penglibatan wanita dalam pekerjaan tidak mengubah corak perhubungan suami isteri tetapi kesan yang amat ketara ialah penglibatan wanita yang semakin meningkat di dalam "public job" telah banyak menjelaskan masa responden khususnya di dalam mendidik dan mensosialisasikan anak-anak mereka. Ini adalah kerana masa yang diuntukkan bersama anak-anak di rumah amat terhad, sedangkan separtimana yang kita ketahui anak-anak perlukan masa yang panjang untuk berdamping dengan ibu-ibu mereka kerana ibu adalah orang yang paling hampir untuk mengadu dan menyelesaikan masalah di samping mempunyai pengaruh yang besar di dalam pembentukan peribadi seseorang anak jika dibandingkan dengan seorang bapa. Inilah di antara masalah yang dianggap rumit oleh responden-responden akibat penglibatan mereka di dalam pekerjaan. Namun demikian ini tidaklah bermakna responden-responden bercadang untuk meninggalkan jawatan yang dipegangnya sekarang tetapi sebaliknya mereka berusaha dengan berbagai-bagai cara bagi mengatasai

atau mengurangkan masalah yang dihadapi. Oleh itu berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati sebilangan besar responden (84%) berkecenderungan untuk memiliki saiz famili yang kecil supaya mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka terhadap rumah-tangga dengan lebih sempurna. Walau bagaimanapun ianya belum menjadi kenyataan kerana responden yang dikaji ini adalah terdiri dari responden yang belum berumahtangga dan responden yang sudah berkahwin tetapi bilangan anak-anak mereka cuma 1 hingga 3 orang sahaja. Jadi pemilikan saiz famili yang kecil ini cuma merupakan salah satu cara penyelesaian bagi wanita yang terikat dengan "public job" supaya dapat menumpukan masa sepenuhnya terhadap "private job" demi kesejahteraan dan kerukunan rumah tangga.

Pemilikan saiz famili yang kecil bukanlah suatu pertunjuk yang tidak baik dalam keteguhan institusi kekeluargaan, kerana fungsi, hak dan tanggungjawab anggota-anggota famili sekarang telah berubah. Kalau dahulu masyarakat sangat menghargai bilangan anak yang besar disebabkan anak-anak ini merupakan tenaga buruh di ladang dan juga sumber kekuatan sesuatu organisasi politik keluarganya, tetapi sekarang apa yang dipentingkan ialah kesempurnaan yang diberikan oleh ibu bapa baik dari segi pendidikan rohani maupun jasmani. Oleh itu implikasi yang jelas akibat dari pendusuan peranan wanita dalam konteks kajian ini ialah mereka berkecenderungan untuk memiliki saiz famili yang kecil sahaja. Walau bagaimanapun pemilikan saiz famili yang kecil itu tidak dapat menyelesaikan masalah wanita yang bekerja khususnya dalam soal penjagaan anak-

anak ketika mereka tiada di rumah. Ini bererti bahawa tenaga dari pembantu rumah amatlah diperlukan bagi menjaga dan melayan anak-anak semasa wanita-wanita ini menjalankan tugas-tugas di pejabat. Namun dalam konteks kaum wanita yang dikaji ini masalah untuk mendapatkan pembantu rumah tidaklah begitu berat kerana berdasarkan data yang diperolehi kebanyakannya responden ada memiliki pembantu rumah. Jadi bagi mereka masalah penjagaan anak-anak semasa mereka tiada di rumah dapat diatasi dengan bantuan dari pembantu-pembantu rumah. Justeru itulah responden-responden yang dikaji mengatakan adalah tidak menjadi masalah bagi mereka untuk meneruskan penglibatan mereka di dalam "public job" malah ada juga responden yang dapat meluangkan masa untuk kegiatan-kegiatan sosial sama ada yang bercorak "formal" atau "informal".³¹ Didapati walaupun responden-responden ini mempunyai masa yang terhad baik di dalam menjalankan tugas-tugas di pejabat dan juga terhadap kegiatan-kegiatan sosial yang diceburinya namun tanggungjawab dan peranannya sebagai seorang suri rumah tidak pernah diabaikan.

Berdasarkan rumusan yang dibuat ini dapatlah dikatakan bahawa responden-responden yang dikaji ini dapat memainkan peranan sebagai wanita yang ideal dan keadaan ini menepati dengan saranan yang dibuat oleh Datin Paduka Aishah Ghani.³² Ini bererti walaupun mereka terikat dengan tugas-tugas di pejabat namun mereka

³¹ Bab 5: Peranan Wanita Dalam Pertubuhan Bercorak Sosial. Hal. 80-89

³² Bab 3: Hal 48.

tidak terlepas dari tanggungjawab ke atas keluarga dan rumah tangga.

Kesimpulan yang boleh dibuat terhadap responden-responden yang dikaji menunjukkan bahawa mereka mempunyai sikap yang memandang penting terhadap "private" dan "public job". Ini adalah kerana masalah-masalah yang dihadapi di dalam "private job" itu telah dapat diatasi oleh responden-responden ini dengan adanya pembantu-pembantu rumah. Dengan ini bermakna responden merasakan penglibatan mereka di dalam urusan pejabat tidak menggugat corak atau keadaan rumah tangga dan keluarga mereka, dan kesedaran seperti ini patut diikuti oleh wanita-wanita yang lain memandangkan perubahan yang pesat sekarang di mana kaum wanita digalakkan memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

13. James A. Sweet: The Employment of Rural Wives, Rural Sociology, Volume 37, December. 1972.
14. Janeway, Elizabeth: Man's World, Women's Place, Michael Joseph Ltd., London. 1972.
15. Kreech, Crutchfield and Ballachey: Individual In Society, New York, Mc Graw-Hill Book Co. Inc. 1962.
16. Laws, Judith Long: The Second X: Sex Role and Social Role, Elseview, North Holland, Inc. New York. 1975.
17. Linton, Ralph: The Study of Man, Appleton, Century - Crofts, New York. 1936.
18. Ray A. Killian: The Working Woman - A Male Manager's, United States of America. 1974.
19. Selltin, Claires: Research Methods In Social Relations, Revised One - volume edition, New York. 1959.

MAJALAH

1. Majalah KASTIKAI: Artikel oleh Rahmah Saad bertajuk "Apakah Perjuangan Wanita Menindas Wanita". Diterbitkan oleh Utusan Melayu (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur. 1975.
2. Majalah WANITA: Artikel oleh Khadijah Hj. Mohammad bertajuk "Sikap masyarakat terhadap wanita". Kumpulan Syarikat Utusan Melayu (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur. April. 1977.

LAMPIRAN SOAL-SELIDIK

1) KEPERIBADIAN

- a) Umur.....
- b) Tempat asal.....
- c) Tempat tinggal sekarang.....
- d) Status.....sudah kahwin/bujang/janda
- e) Bangsa.....
- f) Puan/Saudari anak yang ke berapa?.....

2) PELAJARAN / AKADEMI

- a) Aliran persekolahan.....
- i) Melayu ii) Inggeris iii) Cina iv) Tamil v) Lain-lain
- b) Darjah tertinggi yang dicapai:

Penyebaran bilangan wanita-wanita mengikut kelulusan,
tempoh bekerja dan pendapatan bulanan.

Pelajaran/Latihan	Bilangan	Lama Bekerja	Gaji
L.C.E./S.R.P.			
M.C.E./S.P.M.			
S.C.S./S.T.P.			
DIPLOMA			
IJAZAH			

- c) Sebab-sebab berhenti sekolah.....
.....
d) Pelajaran tambahan (jika ada).
a) Menaip b) Trengkas c) Book-Keeping d) Jahitan e) Lain-lain

3) BUTIR-BUTIR MENGENAI KELUARGA

- a) Umur bapa..... Pekerjaan.....
b) Umur ibu..... Pekerjaan.....
c) Bilangan adik beradik.....
d) Bilangan yang bersekolah.....
e) Bilangan yang bekerja.....

4) SUASANA PEKERJAAN

- a) Jenis/bahagian pekerjaan.....
b) Pekerjaan dahulu. (Jika ada).....
c) Kenapa anda memilih pekerjaan ini.....
d) Bagaimana/melalui siapakah anda memperolehi pekerjaan ini?
.....
e) Berapa lamakah anda memohon/menganggur sebelum memegang
jawatan sekarang?.....
f) Selain dari anda, adakah lain-lain saudara mala anda yang
bekerja di Jabatan ini?.....
Bagaimanakah hubungan anda dengan dia?.....
g) Adakah anda berpuas hati dengan pekerjaan yang anda laku-
kan sekarang? Kenapa.....
.....

- h) Jika anda ditawarkan kepada pekerjaan lain yang lebih lumayan, adakah anda menerimanya?.....
.....Kenapa.....
.....
- 5) Adakah yang mendorong anda untuk bekerja.....
.....
- 6) Adakah keluarga/suami menggalakkan anda untuk bekerja?
Sebab.....
- 7) Adakah anda akan bekerja sehingga sampai umur untuk bersara?
Sebab.....
- 8) Bagaimana pandangan anda tentang umur untuk bersara yang dilaksanakan oleh Kerajaan buat masa ini?.....
.....
- 9) Adakah anda sanggup berhenti kerja sebelum umur sepatutnya bersara jika disuruh oleh suami anda.....
- 10) Adakah anda lebih suka mendapat arahan daripada Ketua Lelaki atau Perempuan? Sebab.....
- 11) Pekerjaan/bahagian apakah yang anda fikir paling sesuai untuk wanita? Sebab.....
- 12) Pernahkah anda tinggalkan rumah lebih dari satu hari untuk membuat kerja luar.....
Ke mana.....
Berapa lama sekali keluar.....
Siapa yang menjaga anak-anak pada masa itu.....
Apa pendapat suami anda tentang kerja luar itu.....

- 13) Adakah suami anda mengambil tahu atau campurtangan di dalam pekerjaan anda?.....
Jika, campurtangan atau pertolongan yang bagaimana?.....
.....
- 14) Hubungan pekerja dengan pegawai.
- | <u>Jenis Hubungan</u> | <u>Sebab-sebab</u> |
|-----------------------|--------------------|
| Baik | |
| Sederhana | |
| Terlalu ketat | |
| Tidak tahu | |
- 15) Hubungan dengan rakan-rakan sejawat.
- | <u>Jenis Hubungan</u> | <u>Sebab-sebab</u> |
|-----------------------|--------------------|
| Baik | |
| Sederhana | |
| Biasa sahaja | |
| Tidak baik | |
- 16) Peraturan dan disiplin kerja.
- | <u>Jenis Peraturan</u> | <u>Sebab-sebab</u> |
|------------------------|--------------------|
| Memuaskan | |
| Sederhana | |
| Terlalu ketat | |
| Tidak tahu | |
- 17) Pandangan terhadap pekerjaan sekarang.
- | | <u>Sebab-sebab</u> |
|-----------|--------------------|
| Memuaskan | |
| Sederhana | |

Membosankan
.....

Terpaksa
.....

Lain-lain
.....

18) Adakah anda menjadi ahli mana-mana pertubuhan?

Nama Pertubuhan	Bila menjadi ahli	Jawatan yang dipegang
.....
.....
.....

19) Faedah yang didapati dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

.....
.....
.....

20) Siapakah yang mendorong anda menceburkan diri dalam pertubuhan itu? Sebab-sebab
.....
.....

21) Tempat pertubuhan itu diadakan.....

22) Perbelanjaan Bulanan

<u>Jenis Perbelanjaan</u>	<u>Jumlah (\$)</u>
---------------------------	--------------------

a) Barang-barang dapur
b) Sewa rumah
c) Minyak kereta
d) Tambang bas
e) Hiburan
f) Pakaian
g) Bayaran untuk orang gaji
h) Untuk keluarga di kampung

- i) Untuk simpanan/tabungan
j) Lain-lain
4) Siapakah yang selalu memutuskan-satu-satu persoalan atau perbelanjaan di dalam rumah tangga
5) Bentuk simpanan: (Tandakan X)
a) Kira-kira di Bank ()
b) Pejabat Pos ()
c) Beli Saham ()
d) Tabung Haji ()
e) Syarikat Kerjasama ()
f) Buka Perniagaan ()
g) Di rumah ()
h) Lain-lain ()

5) Perkhidmatan dan Kemudahan di Jabatan

- i) Apakah bentuk kemudahan yang disediakan? (Tandakan X)
a) Perubatan percuma
b) Pengangkutan
c) Tempat tinggal
d) Cuti
e) Tempat ibadat
f) Hiburan
g) Lain-lain
ii) Sudahkah anda berpuas hati dengan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan?
iii) Berapa harikah anda memperolehi cuti dalam setahun?

- iv) Berapa harikah cuti bersalin yang diberikan?.....
- v) Apa pendapat anda tentang hari-hari cuti yang diperuntukkan itu?.....
-) Pergaulan dan perhubungan dengan keluarga di kampung.
- a) Adakah saudara mara datang berjumpa anda sama ada di pejabat atau di rumah?.....
Sebab-sebab.....
Sekali datang berapa lama mereka tinggal bersama anda.....
.....
- b) Kekerapan anda menziarahi ibu bapa anda/suami.
- | | | |
|------------------------|---------------------|--------------------|
| <u>Berapa kali</u> | <u>Berapa lama</u> | <u>Sebab-sebab</u> |
| <u>sebulan/setahun</u> | <u>Sekali pergi</u> | |
- i) Ibu bapa sendiri
- ii) Mertua
- c) Kekerapan mengirim surat kepada keluarga.....
- d) Selain daripada wang ringgit, adakah barang-barang lain yang dikirim.....
- e) Pernahkah keluarga mengirim wang atau barang-barang kepada anda?.....
-) Sekiranya anda kesempitan wang, dari siapakah anda meminta pertolongan?.....
- 3) Pergaulan dan perhubungan dengan jiran.
- a) Adakah anda kenal dengan kedua-dua jiran di sebelah rumah?.....

- b) Sekiranya kenal, adakah mereka selalu datang ke rumah anda?.....
- c) Bangsa jiran.....
- d) Adakah anak-anak anda selalu bermain dengan anak-anak mereka?.....
- 29) Adakah anda mempunyai ramai kenalan wanita dan lelaki di sini berbanding dengan di kampung?.....
- 30) Adakah mereka sepejabat dengan anda?.....
- 31) Yang mana anda fikir lebih baik, berkahwin dengan pilihan sendiri atau pilihan ibu bapa?.....
Sebab-sebab.....
- 32) Apakah perkara yang diutamakan di dalam memilih pasangan?
.....
- 33) Pendapat anda tentang umur yang paling sesuai bagi seorang wanita untuk berkahwin.....
Sebab-sebab.....
.....
- 34) Bilangan anak yang dikehendaki.....
Sebab-sebab.....
- 35) Adakah saudara mara yang menolong anda membuat kerja rumah?
.....
- 36) Adakah anda mengambil orang gaji.....
a) Bujang/janda/bersuami.....
b) Umur.....
c) Jenis kerja yang dibuat.....
d) Bagaimana anda menentukan cutinya.....

- e) Bagaimana hubungan anda dengan dia.....
 - f) Bagaimana perasaan/sikap anak-anak anda terhadapnya.....
.....
 - g) Gaji yang dibayar.....
 - h) Sudah berapa kali anda bertukar orang gaji dalam masa setahun?.....Sebab-sebab.....
.....
 - i) Melalui siapa anda mendapatkan orang gaji?.....
- 37) Semasa bersalin, siapakah yang menunggu/menjaga anda ketika dalam pantang?.....
- 38) Adakah anda lebih suka bersalin di rumah sendiri atau di rumah keluarga di kampung?.....
Sebab-sebab.....
- 39) Pada keseluruhannya, adakah anda bersetuju atau tidak bagi wanita yang berkahwin bekerja selain dari mengurus rumah tangga? Sebab-sebab.....
- 40) Bagaimana pandangan anda tentang masa depan pekerja-pekerja di Jabatan Kerajaan berbanding dengan mereka yang bekerja di sektor awasta?.....
.....
- 41) Adakah anda ingin terus bekerja di Kuala Lumpur atau ada keinginan untuk pulang bekerja di tempat asal (Kampung)?.....
.....
Sebab-sebab.....